

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

JUDUL : LATAR BELAKANG PENDIDIKAN PENSYARAH DAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENSYARAH DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK UNGKU OMAR, PERAK

SESI PENGAJIAN : 2002/03

Saya : WAN NURUL HEKMAH BINTI WAN MOKHTAR
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-


1. Projek Sarjana adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RASMI 1972)


TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyeldikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap :

No. 89, Persiaran Halaman Ampang 10,
Halaman Ampang Mewah
31400 Ipoh Perak Darul Ridzuan


DR. W. MOHD.RASHID W.AHMAD

Nama Penyelia

Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : DR. WAN MOHD RASHID BIN WAN AHMAD
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

Dr. Wan Mohd Rashid bin Wan Ahmad
Pensyarah
Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**LATAR BELAKANG PENDIDIKAN PENSYARAH DAN PERSEPSI PELAJAR
TERHADAP PENSYARAH DALAM PROSES PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK UNGKU OMAR, PERAK**


WAN NURUL HEKMAH BINTI WAN MOKHTAR

**Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER 2002

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : 
Nama Penulis : W. NURUL HEKMAH BT W. MOKHTAR
Tarikh : 23HB SEPTEMBER 2002



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

*Untuk suami yang tersayang Mohamad Nurul Azmi
terimakasih kerana sanggup berjauhan sepanjang setahun setengah
memberi restu, dorongan, semangat dan keyakinan.....*

*Untuk anak-anak yang dikasihil Mohamad Azim Izzuddin dan baby.....
demi kalian mama mengejar cita-cita.....*

*Untuk abah, mak dan keluarga di Perlis serta keluarga di Perak terima kasih kerana
memahami semangat ku untuk terus belajar.....*



PTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinan-Nya penulis telah berjaya menghasilkan satu kajian mengenai hubungkait antara latar belakang pendidikan pensyarah terhadap persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Ungku Omar, Perak. Berkat sokongan dan bantuan dari pelbagai pihak, maka kajian ini dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia kajian ini, Dr. Wan Mohd. Rashid Bin Wan Ahmad di atas segala tunjuk ajar, komentar dan dorongan yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan kajian ini.

Sejuta penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak (PUO) terutamanya kepada Puan Norliza, Puan Norsham Katan dan Puan Zaidah yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam tugas-tugas pengedaran borang soal-selidik kepada responden kajian. Juga tidak lupa kepada rakan-rakan Nieza, Matun dan Anne yang banyak membantu dalam pembikinan projek sarjana ini

Seterusnya ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dari-Nya.

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkenaan dengan latar belakang pendidikan pensyarah terhadap persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti samada terdapat atau tidak hubungkait di antara latar belakang pendidikan pensyarah dengan persepsi pelajar kerana latar belakang pendidikan pensyarah secara tidak langsung akan mempengaruhi pencapaian pelajar. Selain itu, penyeldikan ini juga tertumpu kepada beberapa aspek kajian seperti kelayakan mengajar, tanggapan pelajar, minat terhadap matapelajaran yang diajar, pengalaman bekerja, penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kesediaan mengajar. Dalam kajian ini, soal selidik telah diedarkan kepada 30 orang pensyarah baru yang mengajar kurang daripada 4 tahun dalam matapelajaran yang diluar bidang mereka. Sampel dibuat secara persampelan kuota yang dipilih daripada Unit Senibina dan Unit Ukur Tanah sahaja yang berada dibawah Jabatan Kejuruteraan Awam di PUO. Keseluruhan data kajian telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) ver 10.0* dengan membuat pengiraan peratusan, skor min dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya perkaitan antara latar belakang pendidikan pensyarah dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di politeknik. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa latar belakang pendidikan pensyarah juga mempengaruhi tahap pencapaian pelajar di PUO.

ABSTRACT

This study is on lecturer's education background on student's perception in teaching and learning process. The purpose of this study is to investigate whether there is correlation between lecturer's education background and student's perception in teaching and learning (T & L) process. This is because lecturer's education background indirectly influence on student's performance. Other than that, this study also focus on several aspects such as lecturer's teaching qualification, student's perception, student's interest on subjects, working experience, content expertise, teaching skill and readiness. In this study, questionnaires were distributed to 30 lecturers that have been teaching less than 4 years on subject unrelated to their disciplines. Sampling has been done using quota sampling selected from Architecture Unit and Surveying Unit, Department of Civil Engineering, Politeknik Ungku Omar. Data collection has been analyzed using SPSS 10.0 which calculate percentage, min score and correlation. Findings show that there is positive correlation between lecturer's education background and student's perception in T & L process at Politeknik Ungku Omar. It also can be concluded that lecturer's education backgrounds have influences on student's performance at Politeknik Ungku Omar.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB I PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Masalah	3
1.2	Penyataan Masalah	7
1.3	Tujuan Kajian	9
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Kepentingan Kajian	10

1.6	Kerangka Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	12
1.8	Definisi Istilah	13
1.9	Ringkasan	14

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pensyarah Yang Berkesan	16
2.2	Latar Belakang Pendidikan Akademik Pensyarah	19
2.3	Pengalaman Pembelajaran Dan Pengalaman Bekerja Sebelum Menjadi Pensyarah	21
2.4	Minat Dan Kebolehan Pensyarah	23
2.5	Mewujudkan Pelajar Cemerlang	25
2.6	Ringkasan	27

BAB III METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Rekabentuk Kajian	29
3.2	Populasi Dan Sampel	30
3.3	Instrumen Kajian	30
	3.3.1 Pembentukan Instrumen	31
	3.3.2 Borang Soal Selidik	31
3.4	Pengumpulan Data	32
3.5	Penganalisan Data	33

3.6	Kajian Rintis	35
3.7	Andaian	35
3.8	Ringkasan	36

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Soal Selidik	38
4.2	Analisis Soal Selidik Kepada Pensyarah	38
4.2.1	Maklumat Responden : Bahagian A	38
4.2.2	Tahap Pendidikan: Bahagian B	41
4.2.3	Kelayakan Mengajar, Minat, Pengalaman Bekerja, Penguasaan Ilmu, Kemahiran, Beban Dan Kesediaan Mengajar : Bahagian C	45
4.3	Temubual	46
4.4	Analisis Nilai Skor Min	46
4.5	Analisis Korelasi	58
4.6	Ringkasan	62

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Rumusan Dan Perbincangan	64
5.1.1	Ciri-Ciri Pensyarah Yang Efektif Dan Berkesan	64

5.1.2	Latar Belakang Pendidikan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar	66
5.1.3	Minat, Pengalaman Serta Penguasaan Ilmu Terhadap Tahap Kesiapan Pensyarah	67
5.1.4	Pandangan Pelajar Terhadap Pensyarah Yang Kurang Menguasai Isi Matapelajaran, Kemahiran Dan Tidak Mempunyai Pengalaman Bekerja.	71
5.2	Kesimpulan	72
5.3	Cadangan Dapatan Kajian	73
5.3.1	Menentukan Pengambilan Pelatih Yang Sesuai Dengan Bidang	74
5.3.2	Mengadakan Pengambilan Tenaga Pengajar Diperingkat Diploma	74
5.4	Cadangan Lanjutan	75
5.5	Penutup	75

BIBLIOGRAFI

76

LAMPIRAN A - E

79



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	32
4.1	Maklumat Responden : Jantina	39
4.2	Maklumat Responden : Umur Responden	39
4.3	Maklumat Responden : Tempoh Mengajar Di Politeknik	40
4.4	Maklumat Responden : Matapelajaran Yang Diajar	40
4.5	Tahap Pendidikan : Latar Belakang Pendidikan	42
4.6	Tahap Pendidikan : Pengalaman Kerja	43
4.7	Tahap Pendidikan : Tempoh Bekerja	43
4.8	Tahap Pendidikan : Bidang Tugas	43
4.9	Tahap Pendidikan : Tempat Pendidikan	44
4.10	Skala Skor Min	48
4.11	Kelayakan Mengajar	48
4.12	Tanggapan Pelajar	49
4.13	Minat Terhadap Matapaelajaran Yang Diajar	50
4.14	Pengalaman Bekerja	52
4.15	Penguasaan Ilmu Pengetahuan	54
4.16	Kemahiran	55
4.17	Beban	56
4.18	Kesediaan Mengajar	57
4.19	Korelasi Antara Latar Belakang Pensyarah Dengan Tanggapan Pelajar	59
4.20	Korelasi Antara Minat, Pengalaman Dan Penguasaan Ilmu Dengan Kesediaan Mengajar	60
4.21	Korelasi Antara Pensyarah Yang Kurang Menguasai Ilmu, Kurang Minat Dan Kurang Berpengalaman Dengan Tanggapan Pelajar	62

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Kajian	11

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	HURAIAN PENUH
KUiTTHO	- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
KUTKM	- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia
UUM	- Universiti Utara Malaysia
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	- Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
PUO	- Politeknik Ungku Omar
GSTT	- Guru Sandaran Tidak Terlatih
CGPA	- Cumulative Grade Point Average (Himpunan Markah Kumulatif)
HEP	- Hal Ehwal Pelajar

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	80
B	Borang Temubual	88
C	Analisis Temubual	94
D	Peraturan Keputusan Peperiksaan Pelajar	100
E	Kajian Rintis (Kebolehpercayaan)	102



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SEJARAH AMPHIBI

KATEGORI	TITIK	MULAI & SELESAI
A	Berang-bod belidit	100
B	Berang-bod belidit	80
C	Analisis Beridit	70
D	Peraturan Keputusan Beridit dan Beridit	100
E	Isapan Kuning (Beridit Beridit)	100



PTTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan siswazah-siswazah dan tenaga pengajar politeknik yang cemerlang khususnya ke arah kecemerlangan akademik pelajar-pelajar politeknik. Tenaga pengajar ini juga haruslah mempunyai keyakinan kepada diri sendiri dalam proses penyebaran ilmu kerana pencapaian akademik pelajar bergantung kepada pemahaman daripada proses Pengajaran dan Pembelajaran antara pelajar dan Pensyarah.

Tenaga pengajar yang diingini kerajaan ini diharapkan bukan sahaja tampil dengan kemahiran yang selengkapnya tetapi juga memiliki keperibadian sahsiah yang tinggi, proaktif dan bertanggungjawab serta sentiasa sedar akan tugas dan peranan mereka sebagai komponen penting dalam merealisasikan matlamat dan cita-cita sektor pendidikan. Para pendidik mempunyai peranan yang besar dalam menentukan sama ada organisasi pendidikan itu berkesan atau sebaliknya.

Menurut Abd. Rahim (1990), sikap, nilai dan prestasi guru mempunyai implikasi kepada peranan mereka bagi mewujudkan institusi yang berkualiti atau efektif. Prestasi yang dinyatakan di sini merujuk kepada tahap pendidikan guru tersebut dari segi ilmu pengetahuan dan maklumat yang terkini yang perlu diketahui oleh seseorang guru. Manakala nilai yang menjadi pegangan guru adalah pembolehubah psikologikal (Rajini dan Mohamad, 1986) yang akan mempengaruhi tindakan para guru di dalam melahirkan institusi pendidikan yang berkesan. Menurut Alder, 1956; Kluckhohn, 1967; Rokeach, 1973; Miner, 1992; Poh, 1993; dan Ranjit Singh Malhi, 1995 dalam Ahmad Athory (1986), nilai adalah faktor yang mendasari pemikiran, sikap dan tingkah laku manusia di dalam sesebuah organisasi khususnya organisasi pendidikan.

Latar belakang pendidikan dan pengalaman setiap individu akan memberikan keyakinan untuk seseorang individu itu memegang sesuatu prinsip, nilai dan tanggapan yang berbeza di antara satu sama lain. Golongan pendidik selalunya meliputi pelbagai latar belakang dalam kelayakan akademik dan latihan. Mereka dibahagikan dalam kategori perkhidmatan yang berbeza-beza kerana pengalaman mengikuti latihan yang berbeza (Mok Soon Seng, 1992).

1.1 Latar Belakang Masalah

Institusi pendidikan adalah satu institusi yang amat penting bagi penerusan, kesinambungan dan menjadi penentu utama arah tujuan serta kelangsungan hidup sesebuah masyarakat (Nik Aziz , 1996). Untuk itu penekanan harus diberikan pada usaha mewujudkan guru yang berkualiti dan berdaya maju. Kenyataan Holmes Group, iaitu satu badan yang membuat pembaharuan dalam pendidikan guru mengatakan “ *We cannot improve the quality of education in our schools without improving the quality of teacher in them.....*” (Symth, 1987: 22), menunjukkan betapa pentingnya peranan guru dalam meningkatkan kualiti dan prestasi sesebuah institusi pendidikan.

Masalah yang dikenal pasti adalah bagaimana menghasilkan tenaga pengajar yang efektif dalam erti kata lain berkualiti dan berkesan dari segi penyampaian ilmu kepada pelajar. Untuk itu adalah perlu di ketahui bahawa latar belakang pendidikan tenaga pengajar boleh mempengaruhi pencapaian akademik dan pembelajaran pelajar. Pensyarah yang berkesan dan berkualiti ini merujuk kepada tahap pendidikan akademik seseorang pensyarah serta komitmen yang diberikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Tujuan pendidikan adalah untuk membentuk insan yang bersih kognitif, bersih personalitinya, bersih corak hidupnya, bersih emosinya, suci budi pekertinya dan murni pergaulan sosialnya (Nik Aziz , 1986). Dalam memastikan keberkesanan sistem pendidikan yang diterapkan maka bakal guru yang akan dilahirkan sebenarnya merupakan faktor yang utama untuk memastikan tercapainya matlamat yang telah ditetapkan.

Dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional, kemahiran mengajar merupakan satu objektif penting untuk melahirkan lebih ramai pelajar teknikal yang mahir. Namun jika seseorang pendidik tidak mempunyai latar belakang pendidikan teknikal yang khusus maka adalah lebih rumit untuk pendidik itu sendiri menyampaikan mata pelajaran dalam bidang tersebut dengan efektif. Secara tidak langsung cara pengajaran guru dalam keadaan kurang bersedia dan agak kekok untuk menggunakan sesuatu alat di makmal atau bengkel akan menyebabkan pelajar kurang berkeyakinan untuk menguasai proses pembelajaran. Ini bukan sahaja mengurangkan keyakinan pelajar tetapi ia juga akan menyebabkan pensyarah tersebut merasa kurang selesa untuk menyampaikan subjek berkenaan kerana kurang pengalaman dan pengetahuan dalam bidang tersebut.

Menurut Abdullah (1989), untuk mencapai keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan sahiah yang sempurna, guru atau pendidik perlulah memiliki sifat keperibadian yang unggul, berpengetahuan, ketokohan dan perwatakan yang sempurna. Seharusnya mereka memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam terutamanya untuk mata pelajaran yang diajar juga pelbagai jenis ilmu pengetahuan sampingan yang lain seperti psikologi, sosiologi dan lain-lain bidang dengan perilakunya yang mencecah tahap keyakinan diri sendiri.

Latar belakang pendidikan dan pengalaman yang berbeza ini akan melahirkan individu yang mempunyai sikap, komitmen, motivasi, nilai dan tanggapan yang berbeza. Sikap seseorang individu terbina daripada pelbagai faktor dan pengaruh. Latar belakang pendidikan dan pengalaman setiap individu akan memberikan keyakinan untuk seseorang individu itu memegang sesuatu prinsip, nilai dan tanggapan yang berbeza di antara satu sama lain. Golongan pendidik meliputi pelbagai latar belakang dalam kelayakan akademik dan latihan. Mereka dibahagikan dalam kategori perkhidmatan yang berbeza-beza oleh kerana pengalaman mengikuti latihan yang berbeza (Mok Soon Seng, 1992).

Menurut Professor Madya Dr. Aminah Ayob, Dekan Pusat pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, pensyarah yang berkualiti adalah pensyarah yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam subjek yang diajarkan. Ini merupakan criteria yang pertama yang perlu ada bagi seorang pensyarah. Mereka juga mestilah merupakan sarjana dalam subjek yang mereka sampaikan kepada pelajar. Sebagai seorang pensyarah, beliau bukan sahaja mesti tahu tentang subjeknya tetapi *to be exceptionally knowledgeable in the subject area*. Tanggungjawab ini tidak pernah selesai kerana perkembangan maklumat tidak pernah berhenti. Pengetahuan pensyarah haruslah sentiasa terkini. Seseorang pensyarah haruslah selesa dengan topik yang hendak diajarnya dan boleh dianggap pakar dalam bidang tersebut. Kreteria lain tidak dapat menggantikan kualiti seorang pensyarah, walaupun dia mempunyai kebolehan-kebolehan atau daya penarik yang lain yang lebih hebat. Dia tidak mampu menjadi pensyarah yang berkesan tanpa pengetahuan yang mendalam dalam subjek yang diajarkan.

Pelajar berharap pensyarah dapat menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat dalam buku-buku rujukan serta menunjukkan isi-isi penting dan maklumat-maklumat asas. Penguasaan pengetahuan tentang subjek yang diajarkan tidak memadai, sebaliknya pensyarah yang berkesan perlu juga mempunyai kebolehan menyusun bahan-bahan pengajarannya supaya mudah difahami. Pensyarah yang baik juga akan menunjukkan sifat-sifat cintakan ilmu dalam bidangnya, sangat *enthusiatics* atau berminat dengan perkara yang diajarkan dan bersemangat mengajar sehingga dapat dikesan oleh pelajar. Menurut Van Doren (1964), *A teacher can fool his colleagues or even his boss, but he never fool his students. They know he loves his subject and when he does not*. Menurut Van Doren lagi apa yang menyentuh perasaan dan imaginasi pelajar-pelajar ialah *a professor's personal devotion to learning and truth*.

Dalam proses pembelajaran dan pengajaran, pensyarah perlulah tahu membezakan cara mengajar mata pelajaran secara teori dan cara mengajar mata pelajaran secara teknikal. Cara penyampaian secara teori mungkin hanya boleh dilakukan di dalam kelas dan menguji kefahaman dengan sesi soal jawab. Manakala untuk mengajar pelajar mata pelajaran teknikal pula perlulah kepada kefahaman isi kandungan mata pelajaran, latihan, alatan dan tunjuk ajar daripada pensyarah bagi melakukan sesuatu gerak kerja di makmal ataupun di bengkel.

Oleh sebab itu adalah penting bagi pensyarah yang mengajar di politeknik menguasai kemahiran asas dalam makmal mahupun bengkel supaya tidak kekok dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Para pensyarah juga perlu mempunyai banyak menguasai strategi pembelajaran contohnya melakukan kerja-kerja bengkel di luar kelas untuk meningkatkan minat pelajar-pelajar ini dalam bidang kemahiran dan teknikal.

Pensyarah yang sederhana dalam penyampaiannya cuma akan memberitahu pelajarinya apa yang hendak diajar, manakala pensyarah yang baik pula akan menerangkan kepada pelajarinya tentang mata pelajaran yang akan disampaikan. Pensyarah yang bijak akan membuat demonstrasi kepada pelajarinya bagi menguji kefahaman serta kemahiran dan pensyarah yang agung mampu menjadi idola dan dapat memberi ilham kepada pelajar-pelajarinya.

Oleh sebab itu kajian ini diadakan untuk melihat adakah latar belakang pendidikan akademik pensyarah di politeknik mempunyai hubungkait dengan pencapaian pelajar. Pensyarah yang dikaji adalah terdiri daripada mereka yang mengajar kurang daripada 4 tahun di politeknik dan mengajar dalam mata pelajaran yang berbeza dengan latar belakang akademik mereka.

1.2 Penyataan Masalah

Sebelum tahun 1990, lulusan sekolah vokasional mahupun sekolah teknik dipandang rendah sebagai kelas kedua dan dianggap sebagai tempat bagi menampung pelajar yang gagal dalam Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Peperiksaan Malaysia (Roslan, 2002). Namun anggapan tersebut mulai berubah apabila lulusan teknik dan vokasional menjadi pilihan kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran di peringkat menengah atas. Selain daripada itu lepasan teknik dan vokasional juga menjadi semakin penting dalam melahirkan sumber tenaga mahir dan separuh mahir. Dengan adanya kesedaran daripada pelbagai pihak untuk membangunkan sebuah negara industri menjelang wawasan 2020 maka adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menambah bilangan tenaga mahir dan separuh mahir dalam bidang ini.

Sehubungan dengan itu dalam melahirkan sumber tenaga yang mempunyai kemahiran yang khusus dalam bidang teknikal, kecemerlangan dari segi akademik merupakan pekaru utama yang ditekankan. Kebanyakan pelajar sendiri berlumba-lumba untuk belajar kedua-dua bidang berkenaan, iaitu dalam bidang kemahiran dan akademik. Untuk melahirkan generasi yang berilmu dan mahir maka tenaga pengajar itu sendiri perlu menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, dalam senario politeknik kini kebanyakan tenaga pengajar yang tamat mengikuti latihan pendidikan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam terus diminta mengajar di politeknik dalam bidang-bidang yang berbeza dengan bidang yang mereka ambil sewaktu ijazah pertama. Walaupun kurang arif dalam sesuatu bidang tersebut mahu tidak mahu mereka terpaksa mengajar kerana kekurangan kakitangan. Ini akan memberi kesan yang buruk terhadap pencapaian pelajar.

Bagi pensyarah tersebut mereka mungkin menerima tawaran ini disebabkan minat untuk menjadi pensyarah dan masalah penggangguran. Disebabkan hal ini mereka akan cuba membaca, mempelajari semula dan membuat latihan-latihan teknikal dengan sendiri dan sudah tentu ianya akan mengambil masa bagi pensyarah itu mahir. Dalam masa yang sama mereka mungkin akan merasa tertekan apabila ditugaskan mengajar dalam mata pelajaran baru kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam mata pelajaran tersebut. Ini menyebabkan mereka hilang minat untuk mengajar di dalam kelas dan bengkel. Yang menanggung kerugian adalah pelajar. Bagi pelajar yang menerima pengajaran daripada pensyarah tersebut, mereka dapat merasakan bagaimana pensyarah tersebut kurang mempunyai persediaan yang mendalam dari segi ilmu pengetahuan, penguasaan isi serta pengalaman dan perkara ini boleh menjejaskan pembelajaran pelajar. Masalah ini mendorong kajian dijalankan untuk melihat hubungkait di antara keduanya terhadap pensyarah baru di Politeknik Ungku Omar, Perak.

Justeru itu, kajian ini akan mengenalpasti sama ada terdapat hubungkait antara latar belakang pendidikan akademik pensyarah dengan persepsi pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

1.3 Tujuan Kajian

Secara umumnya tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sama ada wujudnya hubungkait di antara latar belakang seseorang pensyarah itu dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Jika dilihat secara objektif khususnya, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengenalpasti ciri-ciri seorang pensyarah yang efektif dan berkesan dari segi penguasaan ilmu dan kemahiran, minat dalam bidang tertentu serta pengalaman belajar dan bekerja.
- ii. Mengetahui sejauh mana keperluan seseorang pensyarah tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran dari segi kesediaan mengajar, kemahiran, minat, penguasaan ilmu dan pengalaman.
- iii. Mengenalpasti sama ada latar belakang pendidikan pensyarah mempunyai hubungkait dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas
- iv. Melihat sama ada minat, pengalaman serta penguasaan ilmu dalam sesuatu bidang yang diceburi akan meningkatkan tahap kesediaan pensyarah dalam pengajaran.
- v. Melihat sejauh mana pandangan pelajar terhadap pensyarah jika pensyarah tersebut kurang menguasai isi mata pelajaran, kemahiran dan tidak mempunyai pengalaman bekerja.
- vi. Mengenal pasti sama ada kekurangan faktor-faktor kesediaan mengajar, kemahiran, minat, penguasaan ilmu dan pengalaman dalam diri pensyarah merupakan salah satu penyebab kepada kelemahan pencapaian akademik pelajar.

1.4 Persoalan Kajian


Kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan iaitu:

- i. Apakah ciri-ciri pensyarah yang efektif dan berkesan dari segi penguasaan ilmu dan kemahiran, minat dalam bidang tertentu serta pengalaman belajar dan bekerja?
- ii. Adakah latar belakang pendidikan pensyarah mempengaruhi persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?
- iii. Adakah minat, pengalaman serta penguasaan ilmu dalam sesuatu bidang yang diceburi akan meningkatkan tahap kesediaan pensyarah dalam pengajaran?
- iv. Apakah pandangan pelajar terhadap pensyarah jika pensyarah kurang menguasai isi mata pelajaran, kemahiran dan tidak mempunyai pengalaman bekerja?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh dijadikan sebagai maklum balas terutamanya kepada pihak Kementerian Pendidikan terhadap faktor-faktor yang perlu diambil sewaktu memilih bakal-bakal tenaga pengajar untuk menjalani latihan sebagai pensyarah di politeknik. Selain daripada itu, kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada pihak akademik politeknik dalam menentukan mata pelajaran yang akan diajar oleh setiap pensyarah sesuai mengikut latar belakang akademik yang dimiliki. Walaupun masalah kekurangan pensyarah dan pensyarah ganti tetap ada di setiap politeknik namun hubungkait di antara latar belakang pendidikan akademik pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar adalah selari.

1.6 Kerangka Kajian



Rajah 1.1 : Kerangka Kajian

Merujuk pada model kerangka kajian di atas iaitu Rajah 1.1 menunjukkan perkaitan yang akan dikaji kepada pensyarah dan persepsi pelajar di Unit Senibina dan Unit Ukur tanah dalam Jabatan Kejuruteraan Awam. Perkaitan pertama adalah antara latar belakang pendidikan akademik pensyarah dengan persepsi pelajar, kedua di antara minat, penguasaan ilmu, pengalaman bekerja dengan tanggapan pelajar, perkaitan

ketiga di antara minat, penguasaan ilmu, pengalaman bekerja dengan kesediaan mengajar.

Perkaitan di antara setiap satunya akan dianalisis berdasarkan korelasi. Jika didapati wujud hubungan di antara setiap satunya, iaitu nilai korelasi berada pada 0.4 hingga 1.0 maka ini menunjukkan bahawa ada hubungan antara kedua-duanya sama ada sederhana, kuat dan sangat kuat. Secara keseluruhannya kajian ini melihat adakah terdapat hubungan di antara latar belakang pendidikan akademik pensyarah dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas di Politeknik Ungku Omar, Perak.

1.7 Batasan Kajian

Terdapat 2 batasan kajian iaitu:

- i) Kajian akan dijalankan berdasarkan persepsi responden iaitu pensyarah politeknik yang telah menjadi tenaga pengajar kurang daripada 4 tahun tentang kelayakan mengajar, tanggapan pelajar, minat terhadap mata pelajaran yang diajar, pengalaman bekerja, penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, beban dan kesediaan mengajar
- ii) Kajian ini juga dijalankan hanya ke atas pensyarah baru dalam Unit Senibina dan Unit Ukur Tanah daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Ungku Omar, Perak memandangkan hanya unit-unit ini sahaja yang menghadapi masalah sedemikian. Maka sebarang keputusan dan rumusan kajian ini hanya meliputi pensyarah daripada unit-unit yang berkenaan sahaja.

1.8 Definisi Istilah (Daftar isi)

Untuk mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan dari segi maksud, beberapa istilah dijelaskan bagi tujuan kajian ini:

- i. **Efektif** diertikan sebagai kesan ataupun yang memberi kesan. Ianya membawa pengaruh kepada sesuatu perkara tentang keberkesanan sesebuah peristiwa yang terjadi.
- ii. **Graduan** diertikan sebagai pelajar (mahasiswa) yang menerima segulung ijazah atau yang telah menamatkan pengajian mereka dalam program diploma atau ijazah dan lain-lain.
- iii. **Kualiti** diertikan sebagai ukuran mutu sesuatu perkara (lebih daripada kebaikan)
- iv. **Persepsi** diertikan sebagai pandangan (melalui pancaindera), tanggapan dalam kepekaan atau kekuatan imaginasi.
- v. **Psikologikal** ilmu ‘sains’ yang mengkaji jiwa atau fikiran manusia. Segala kelakuan manusia, ilmu jiwa, kebijaksanaan seseorang dalam memahami sifat dan perasaan seseorang.
- vi. **Responden** diertikan sebagai orang yang memberi maklumat atau yang menjawab soalan-solan yang dikemukakan melalui borang soal selidik.
- vii. **Sarjana** orang yang pandai atau bijak dalam ilmu pengetahuan, cendekiawan. Ianya juga adalah gelaran yang telah melengkapinya pelajaran di universiti (yang telah mendapat ijazah).
- viii. **Holistik** menerangkan keadaan sebenar sesuatu peristiwa yang berlaku secara keseluruhan dan ianya berlaku secara keseluruhan dan ianya berlaku tanpa sebarang manipulasi.

1.9 Ringkasan

Bab ini hanya menerangkan pengenalan mengenai kajian yang akan dijalankan yang membincangkan tentang pernyataan masalah, persoalan kajian dan tujuan kajian dijalankan. Kajian awal yang dinyatakan dalam Bab I akan diteruskan dalam bab-bab seterusnya untuk mendapat keputusan dan rumusan yang dikehendaki.



BAB II

SOROTAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungkait antara latar belakang pendidikan akademik pensyarah terhadap persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Politeknik. Antara perkara yang akan diketengahkan adalah berkisar tentang pensyarah yang berkesan, latar belakang pendidikan akademik pensyarah, pengalaman pembelajaran dan pekerjaan sebelum menjadi pensyarah, minat dan kebolehan pensyarah dan proses untuk mewujudkan pelajar yang cemerlang. Ini adalah satu usaha untuk mempertingkatkan lagi tahap penyampaian kuliah di dalam kelas bagi pensyarah baru di politeknik untuk memenuhi proses pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar

2.1 Pensyarah Yang Berkesan

Dalam proses pembelajaran dan pengajaran di IPT, cara pengajaran yang diperlukan oleh pelajar adalah *kualiti yang mesti dipelajari oleh pensyarah untuk mengajar* dan kualiti ini tidak wujud secara semulajadi. Belajar untuk menjadi seorang pensyarah yang baik adalah satu tugas yang mesti dilaksanakan di sepanjang kerjaya kerana *A great teacher is a never finished product but rather is always in the process of becoming* (Eble, 1983). Menurut Eble lagi dalam Diges Pendidikan yang ditulis oleh Professor Madya Dr. Aminah Ayob, beliau telah menyenaraikan tujuh kualiti yang perlu ada dalam diri setiap pensyarah yang berkesan iaitu *humility, enthusiams, flexibility, sensitivity, compassion, discipline and commitment*.

Dalam menuju era teknologi dan komunikasi kini, kualiti akademik dan kualiti profesionalisme bagi seseorang pensyarah hendaklah dipupuk dan dipertingkatkan setiap masa, khususnya pada masa kini dimana wujudnya perubahan dalam pendidikan dan masyarakat terutama daripada segi teknologi (Kamarudin, 1989). Kualiti akademik yang dimaksudkan adalah pembelajaran yang berterusan serta pembacaan ilmu dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan mutu pengetahuan. Selain daripada itu kualiti akademik boleh dipertingkatkan dengan menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh kementerian mahupun badan persendirian bagi menambah pengalaman. Kualiti profesionalisme pula ialah cara, kaedah dan teknik menyenggarakan sesuatu tugas. Lazimnya kecekapan professional bergantung kepada kekuatan akademik seseorang pensyarah itu dalam menyampaikan ilmu pengetahuan yang terkandung dalam bidang-bidang tertentu.

Para pensyarah perlu memperkembangkan lagi pengetahuan sediaada ke peringkat yang lebih tinggi walaupun sudah lama bekerja. Tidak bermakna apabila kita sudah bekerja maka kita perlu tinggalkan pengetahuan yang berterusan kita dalam

bidang akademik. Apatah lagi jika seseorang itu bekerja sebagai pensyarah, sudah tentulah perlu ada pembelajaran yang berterusan dalam dirinya kerana pengetahuan dunia akan berubah dari masa ke semasa. Begitu juga dengan pensyarah-pensyarah baru yang lebih perlu memperkembangkan tahap kepakaran dan kecemerlangan untuk membolehkan mereka kelak mampu memaparkan prestasi pengajaran yang berkualiti dan cemerlang (Hafidah, 2000)

Chen Ai Yen (1990), dari Institute of Education, Singapura, telah cuba mencari satu teori yang berkaitan dengan pengajaran cemerlang. Baginya pensyarah cemerlang dikenalpasti sebagai mereka yang menjunjung piawai yang spesifik dalam profession perguruan misalnya mengetahui secara mendalam tentang topik yang hendak diajar, mempunyai kemampuan untuk membuat refleksi, menunjukkan komitmen kepada pelajar dan matapelajaran yang diajar, perihatin terhadap keperluan pembelajaran dan masalah pelajar dan adil dalam membuat penilaian pelajar

Pengajaran yang berkesan memerlukan seseorang guru yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang matapelajaran yang hendak diajar. Blair (1988) membincangkan beberapa bidang penting yang bersangkutan dengan kepentingan guru serta proses pengajaran dan pembelajaran. Jika sekiranya pembelajaran pelajar merupakan matlamatnya, maka bidang yang paling penting adalah pengetahuan pensyarahnya dalam matapelajaran yang akan diajar.

Canton (1986) menyarankan bahawa guru sekolah menengah adalah dianggap sebagai pakar kepada matapelajaran yang hendak diajar. Berketerampilan dalam menyampaikan isi pelajaran merupakan prasyarat kepada sesuatu pengajaran yang baik. Beliau juga mengatakan bahawa masalah yang berkaitan dengan kurang keupayaan mengajar hendaklah diberi perhatian sewajarnya.

Rich (1988) menerangkan pula bahawa guru yang berkebolehan mengajar isi pelajaran merujuk kepada pengetahuan, keyakinan, keupayaan yang guru tunjukkan di dalam situasi pengajaran. Kebolehan yang disebutkan ini adalah antara penyebab menjadikan pelajar lebih yakin dengan pengajaran yang disampaikan kepada mereka. Disokong dengan hujah-hujah yang bernas serta pandangan dari pengalaman pensyarah akan menambah minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam pengajaran di politeknik, seseorang pensyarah itu perlu tahu sesuatu bidang yang hendak diajar memandangkan bidang yang terdapat di politeknik adalah terdiri daripada bidang teknikal yang memerlukan pemahaman yang jelas. Politeknik yang juga merupakan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang melahirkan tenaga pekerja mahir dan separuh mahir seharusnya diajar oleh mereka yang berkelayakan dalam bidang pengkhususan sahaja. Tenaga pekaerja mahir yang diperlukan di dalam masyarakat industri tantulah tenaga pekerja yang cekap, profesional, berfikiran terbuka untuk menerima dan mengkaji maklumat dan ilmu serta dapat membuat penyesuaian dengan cepat dalam bidang perkerjaan (Isahak , 1992). Apa yang telah dikeluarkan oleh KUiTTTHO adalah yang terbaik memandangkan mereka mempelajari kedua-dua ilmu tersebut iaitu arif dalam bidang akademik dan arif dalam cara pembelajaran dan pengajaran. Dengan wujudnya pensyarah seperti ini maka politeknik mampu untuk mengeluarkan graduan yang bertaraf mahir.

Menurut Azizah dan Syarifah (1993) dalam Zaidatul Akmaliah dan Ramlah (2001) menyatakan walaupun murid suka kepada matapelajaran kemahiran hidup ini, tetapi kejayaan pengajaran sebenarnya bergantung kepada kesediaan dan kelayakan guru. Di sini jelas terbukti bahawa walaupun pelajar benar-benar suka mata pelajaran yang diikutinya namun tanpa penyampaian isi yang baik dan bernas akan menyebabkan pencapaian pelajar rendah. Pelajar akan merasa yakin apabila pensyarah dapat menyampaikan satu-satu matapelajaran itu dengan baik dan memberi kepelbagaian

contoh persekitaran serta pengalaman. Jadi hanya pensyarah yang berkeelayakan dalam bidang tersebut sahaja mempunyai tahap kesediaan yang baik untuk sesi pengajaran.

Menurut Kolonel Professor Dato' Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri dalam Seminar Kebangsaan Sosio Ekonomi dan IT pada 2 November 2001 menyatakan bahawa pensyarah yang berkesan adalah pensyarah yang berada dalam gedung ilmu dan berusaha untuk menambah ilmu dengan sentiasa membuat pembelajaran yang berterusan. Pensyarah yang baik akan sentiasa membuat persoalan dan mencari jawapannya, mengemukakan masalah dan mencari jalan penyelesaiannya jadi proses mengkaji secara terus menerus ini akan membangunkan ilmu dalam bidang masing-masing.

Contoh terbaik adalah Universiti Utara Malaysia yang telah mewujudkan satu Pusat penyelidikan dan perundingan yang bertujuan untuk memperkasakan ilmu melalui penyelidikan dan pembangunan khususnya dalam bidang pendidikan. Baru-baru ini juga pihak UUM telah meletakkan bahawa setiap pensyarahnya perlu membuat sekurang-kurangnya satu penyelidikan untuk mencapai wawasan negara yang memerlukan lebih ramai penyelidik dengan membuat penemuan baru supaya budaya ilmu akan lebih mudah tercapai dalam masa yang dekat (Ahmad Fawzi, 2001).

2.2 Latarbelakang Pendidikan Akademik Pensyarah

Merujuk kepada nilai pegangan dan prinsip serta motivasi, latar belakang pendidikan dikatakan turut memainkan peranan dalam menyediakan seseorang individu untuk lebih proaktif dan bermotivasi dalam menyahut cabaran yang lebih hebat. Menurut Ahmad Athory (1986), motivasi atau dorongan adalah alat penggerak kepada

tingkah laku untuk membangkitkan tindakan yang berpunca daripada satu motif. Motif adalah satu hasrat tinggi yang bersifat elemen iaitu mendorong individu itu untuk bertindak sebagai emosi, tabiat dan dorongan. Atas dasar ini, pengkaji merasakan latarbelakang pendidikan adalah satu pengalaman yang cukup dominan memberikan kesan kepada emosi, idea, tabiat dan amalan seseorang individu.

Latar belakang pendidikan mempengaruhi pengurusan masa dan motivasi seseorang individu. Begitu juga kepada pensyarah yang mempunyai latar belakang yang baik dalam sesuatu bidang turut juga mempunyai pengurusan masa yang baik, tepat pada waktu dan sentiasa memotivasikan diri. Menurut Van Doren (1964) dalam Pendidikan Suatu Pemikiran Semula mengatakan bahawa motivasi yang tinggi kepada pensyarah akan menjamin cara pengajaran yang berkesan kepada pelajarannya.

Latar belakang pensyarah yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pekerjaan dan pengalaman pembelajaran adalah merupakan satu kelebihan unik dan berharga. Gabungan pengalaman mereka serta pendedahan kepada teori dan amalan akan menghasilkan kefahaman subjek akademik yang lebih mantap dan bermakna. Pembelajaran yang mereka belajar setiap hari akan lebih menekankan kepada aplikasi konsep, teori dan pengalaman sebenar kepada pelajar dalam kemahiran pembuatan, teknik dan vokasional.

2.3 Pengalaman Pembelajaran Dan Pengalaman Pekerjaan Sebelum Menjadi Pensyarah

Sebelum seseorang pensyarah itu bekerja, mereka juga pernah menjadi seorang pelajar dan daripada pengalaman inilah mereka akan menimba ilmu bagi memenuhi keperluan bidang yang mereka ceburi. Semasa pembelajaran ini mereka akan banyak mendapatkan sumber-sumber daripada buku, rujukan, majalah, peristiwa semasa dan pengalaman pensyarah serta guru mereka. Maka pengalaman inilah yang bakal mereka kongsi bersama dengan anak didik mereka di Politeknik-politeknik yang mereka mengajar.

Pengalaman sewaktu belajar banyak membantu pensyarah membina kekuatan sesebuah matapelajaran yang diajarnya. Pengukuhan daripada kata-kata bekas pensyarah lama, nota-nota dan bahan-bahan rujukan membuatkan mereka lebih yakin terhadap bidang yang mereka ceburi. Secara tidak langsung minat akan timbul dalam diri setiap pelajar untuk terus menguasai sesuatu subjek.

Menurut Tyler (1991) pengalaman pembelajaran dapat membantu memupuk minat seseorang pelajar. Keperluan asas pengalaman pembelajaran yang direka untuk memupuk minat ialah pengalaman yang membolehkan pelajar memperolehi kepuasan daripada bidang pengalaman seseorang pensyarah. Oleh itu pengalaman pembelajaran untuk memupuk minat harus diberi kepada pelajar untuk mereka kaji bidang-bidang yang mereka paling minat untuk diceburi.

Selain daripada itu pensyarah yang telah bekerja mungkin mendapat pelbagai pengalaman berdasarkan cara kerja, pergaulan sehari-hari dan pengalaman di tempat kerja. Pengalaman seperti ini adalah pengalaman yang baik jika pensyarah

menceritakan hal tersebut kepada pelajarnya untuk menaikkan minat, motivasi serta pengalaman pelajar itu sendiri supaya lebih berminat untuk belajar matapelajaran tersebut. Sewaktu proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung didalam kelas secara tidak langsung pensyarah boleh menceritakan serba sedikit tentang pengalaman semasa bekerja, pengalaman sewaktu belajar, pengalaman semasa membuat tugas dan lain-lain pengalaman yang berkaitan dengan pendidikan. Di sini pensyarah boleh menerapkan nilai-nilai murni kepada diri pelajar dan seterusnya pensyarah dapat menjadi contoh kepada pelajar-pelajarnya.

Faktor pengalaman boleh dilihat sebagai satu faktor untuk mempengaruhi minda pelajar. Apabila pensyarah menceritakan pengalaman, kisah-kisah yang mereka belum alami dan keseronokan apabila bekerja maka dengan sendirinya minat yang ditanam akan terus subur. Pelajar akan mengagumi pengalaman dan pengetahuan pensyarah tersebut dan secara tidak langsung pelajar lebih banyak menumpukan perhatian kepada pembelajaran di dalam kelas. Contohnya dalam matapelajaran kejuruteraan awan, pengalaman sebagai seorang jurutera dapat membantu pelajar membayangkan bagaimana jika mereka yang menjawat jawatan tersebut. Selain daripada itu mereka juga dapat mengajukan berbagai soalan yang berkaitan dengan bidang pekerjaan tersebut. Mungkin dengan cara ini akan menaikkan semangat mereka supaya lebih bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita sebagai seorang jurutera. Setengah-perkara memang dapat diajarkan oleh pensyarah tetapi ada perkara yang mesti dipelajari melalui pengalaman (Aminah, 2000).

Adalah penting bagi seseorang pensyarah itu mempunyai pengalaman pembelajaran yang baik dan mempunyai pengalaman dalam pekerjaan kerana ini akan meningkatkan keyakinan diri bagi kedua-dua belah pihak. Kepada pelajar mereka boleh menjadikan pengalaman pensyarah sebagai panduan dan rujukan. Manakala bagi pensyarah sendiri pengalaman-pengalaman ini boleh membantu mereka mengukuhkan lagi isi kandungan mereka didalam matapelajaran yang diajar.

2.4 Minat Dan Kebolehan Pensyarah

Minat adalah suatu perkara penting dalam pendidikan sama ada sebagai matlamat ataupun proses, iaitu sebagai objektif dan sebagai kuasa mendorong berhubung dengan pengalaman untuk mencapai objektif (Tyler, 1991). Minat biasanya ditekankan sebagai objektif pembelajaran yang penting kerana minat seseorang itu boleh menentukan apa-apa bidang yang hendak diceburinya. Dengan kekuatan minat yang ada dalam diri seseorang itu maka mereka akan lebih menghayati bidang yang mereka ambil contohnya dalam matapelajaran senibina. Minat dalam bidang lukisan, grafik dan senibina akan membantu pelajar membina keyakinan diri untuk menyiapkan sesuatu projek senibina seterusnya berupaya menghasilkan tugas yang memuaskan.

Minat boleh dianggap sebagai daya penggerak yang mendorong seseorang supaya memberi perhatian kepada sesuatu benda atau kegiatan dan ia juga boleh merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri (Syarifah Alwiyah, 1987). Apabila seseorang itu mempunyai minat dalam bidang yang diikuti, maka dia akan memberikan segala perhatiannya kepada bidang tersebut. Mereka juga akan berimajinasi sesuatu yang baru dalam pengalaman mahupun dalam kehidupan seharian.

Menurut Ahmad Athory (1986), minat memainkan peranan yang penting dalam kejayaan sesuatu proses pembelajaran dan ia amat mempengaruhi pencapaian seseorang dalam pelajaran itu sendiri. Sekiranya seseorang mempunyai minat dan kebolehan yang tinggi terhadap kerja yang dilakukan, sudah pasti kerja tersebut dapat diselesaikan dengan baik.

Menurut Mok Soon Sang (1992), minat dan kebolehan individu dapat dipekatkan lagi jika sesuatu potensi didalam diri dapat dikenalpasti. Oleh kerana itu potensi pelajar merupakan aspek penting dalam bidang pendidikan. Begitu juga pensyarah yang mana bermula sebagai pelajar, dia berminat dalam bidang kejuruteraan maka apabila dia menjadi pensyarah dia lebih berkemungkinan senang mengajar bidang yang dimiliki.

Minat yang mendalam terhadap bidang atau kursus yang diajarkan juga merupakan salah satu daripada ciri-ciri pensyarah yang berkesan. Mereka perlu mempunyai pengetahuan yang melampaui bidang penyelidikan atau pengkhususan masing-masing. Mereka mestilah maju setapak ke hadapan daripada pensyarah-pensyarah lain dalam pencarian maklumat yang terkini. Sebagai pencinta ilmu, pensyarah perlu banyak membaca, melibatkan diri dalam wacana intelektual dan majlis-majlis ilmu dan sentiasa membuat penyelidikan terbaru mengenai maklumat terkini. Jadi minat adalah pekar penting dalam meningkatkan tahap pengajaran dalam kelas.

Kebolehan pula bermaksud kebolehan dari segi asas kemahiran dalam makmal ataupun bengkel. Dalam proses pembelajaran dan pengajaran di politeknik, pensyarah juga perlu mahir dalam matapelajaran-matapelajaran yang diajarnya kerana jika hanya mahir dalam menyampaikan kuliah tapi kekok menggunakan peralatan dalam makmal ataupun bengkel, ini boleh menyebabkan keyakinan diri pelajar terhadap pembelajaran terganggu. Oleh sebab itu pensyarah dipoliteknik perlu mahir dalam asas kemahiran yang mana kemahiran ini boleh didapati semasa pengalaman pembelajaran sewaktu ijazah pertama ataupun pengalaman sewaktu bekerja.

2.4 Mewujudkan Pelajar Cemerlang

Politeknik menawarkan peluang kepada pelajar yang berminat dengan kursus pendidikan teknik dan vokasional serta pengajian di peringkat sijil dan diploma kepada pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM. Malah ia merupakan satu alternatif yang membantu para pelajar yang tidak berpeluang menempatkan diri mereka di universiti, melanjutkan pengajian mereka di mana-mana bidang yang mereka minati. Politeknik meletakkan visinya melatih tenaga separa professional atau separa mahir dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan lain-lain bidang yang ditawarkan.

Secara umumnya pendidikan di politeknik boleh dikatakan mendokong dua peranan utama. Dari satu sudut, secara amnya ia dikenalpasti sebagai jentera untuk menyediakan tenaga kerja yang separa mahir dalam pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menggerakkan dan menyuburkan pertumbuhan ekonomi negara. Dari sudut lain pula pelajar yang sama telah melalui sistem pendidikan formal, diharap menjadi individu yang seimbang dari segi pertumbuhan rohani, intelek dan jasmaninya (Yahya, 1993).

Menurut Abd. Rahim (2000), mengatakan pendidikan memainkan peranan penting untuk membentuk kesedaran, membentuk rakyat yang sentiasa bermotivasi, iltizam, bermaruah, dedikasi, kuat daya saing dan daya juang serta mantap dari segi akidah dan ilmu. Namun pengaruh daripada pembelajaran sebenarnya mempengaruhi motivasi dan kecemerlangan setiap individu yang tergolong dalam kelompok atau kumpulan budaya yang tertentu. Di politeknik pelajar terdedah kepada budaya yang mana fokus pendidikannya tidak hanya kepada teori semata-mata tetapi ia membantu pelajar membangunkan dengan seluas-luasnya pengetahuan dan kemahiran, sikap dan nilai yang secara tidak langsung dapat membantu pelajar mencerahkan lagi kerjaya mereka secara realistik.

Dalam hal ini pelajar perlulah dibantu oleh pensyarah mereka untuk memahami sesuatu matapelajaran dan perlu ada penerangan yang lebih jelas dalam setiap matapelajaran yang diambil. Pelajar boleh memahami matapelajaran dengan baik jika cara penyampaian pensyarah juga baik dan bersungguh. Kemahiran dan kepakaran guru dalam sesuatu bidang kadang-kadang membuatkan pelajarinya berminat untuk belajar matapelajaran tersebut.

Seperti mana yang kita tahu pelajar-pelajar politeknik banyak mempelajari kemahiran berbanding dengan teori namun apabila tiba peperiksaan akhir, pelajar lebih banyak dibantu dengan nota-nota rujukan dan mengharapkan nota tersebut tanpa berusaha untuk menambahkan lagi rujukan dan pengetahuan mereka dengan menggunakan buku-buku rujukan di perpustakaan. Sepatutnya mereka mengabungkan kemahiran dan teori dalam menjawab soalan peperiksaan akhir (Kamarudin, 1989)

Penerangan di dalam kelas merupakan pendedahan asas yang paling penting. Pelajar memerlukan pemahaman yang baik dan lebih berusaha untuk memantapkan lagi penguasaan dengan melakukan latihan menggunakan daya inisiatif mereka (Abd. Rahim, 2000). Pensyarah juga perlu mendorong para pelajar untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam pengumpulan ilmu dan memperolehi kelebihan serta kefahaman yang kukuh. Para pelajar tidak boleh mengharapkan nota edaran kuliah semata-mata kerana peperiksaan yang dijalankan berkemungkinan melibatkan soalan yang bukan didedahkan di dalam kelas.

Oleh itu jelaslah di sini dalam pembentukan pelajar-pelajar yang cemerlang, adalah menjadi faktor utama seorang pensyarah itu memainkan peranannya. Sikap dan keperibadian pensyarah serta cara penyampaian ilmu adalah tonggak kepada kecemerlangan pelajar.

2.5 Ringkasan

Melalui sorotan kajian yang telah dibincangkan adalah didapati bahawa untuk menjadi seorang pensyarah yang berkesan perlu mempunyai latar belakang pendidikan akademik yang baik dan menepati matapelajaran yang diajar, mempunyai pengalaman bekerja dan pengalaman belajar serta mempunyai minat, kemahiran dan kebolehan dalam matapelajar yang diajar. Dalam bab seterusnya perbincangan akan dibuat mengenai metodologi yang akan digunakan untuk memperolehi maklumat serta data bagi tujuan kajian ini selanjutnya.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

Dalam Bab ini penulis akan membicarakan berkenaan dengan prosedur dan metodologi atau kaedah yang digunakan bagi merealisasikan kajian ini. Antara kaedah tersebut adalah:

- a. Rekabentuk Kajian
- b. Populasi dan Sampel
- c. Instrumentasi
- d. Pengumpulan Data
- e. Penganalisan Data
- f. Kajian Rintis
- g. Andaian

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang berbentuk tinjauan dan penerokaan berasaskan data kuantitatif dan disokong oleh data kualitatif. Kajian juga dibuat secara 'holistic' iaitu menerangkan keadaan sebenar peristiwa yang berlaku tanpa sebarang manipulasi (Mohamad Najib, 1999). Selain daripada itu kaedah penganalisan juga dibuat secara korelasi untuk melihat perkaitan diantara tahap pendidikan pensyarah dengan persepsi pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui kaedah ini juga perlakuan individu berdasarkan ciri-ciri tertentu dan deskripsi secara khusus diperolehi. Selain daripada itu kaedah ini juga digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai perkaitan diantara latar belakang pendidikan pensyarah terhadap persepsi pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah tinjauan dan penerokaan digunakan untuk mendapatkan data dalam satu masa tertentu dengan menggunakan borang soal selidik bagi menggambarkan situasi sesuatu perkara. Jadi kaedah soalselidik digunakan sebagai salah satu instrumen bagi mengumpul data. Kaedah ini dipilih kerana ianya lebih efektif dalam proses pengumpulan data dan proses menganalisis data bagi kajian ini. Kajian ini tidak dapat menerangkan situasi yang akan berlaku pada masa akan datang tetapi mampu mempengaruhi kajian seterusnya pada masa akan datang (Mohamad Najib, 1999). Selain daripada itu kaedah temubual digunakan bagi memperkayakan lagi penjelasan data yang diperolehi daripada soal selidik.

3.2 Populasi dan Sampel

Populasi bagi kajian ini terdiri daripada pensyarah baru yang mengajar kurang daripada 4 tahun daripada Unit Senibina dan Unit Ukur Tanah di Politeknik Ungku Omar. Seramai 30 orang responden akan diambil sebagai sampel bagi mewakili populasi yang telah dikenal pasti berdasarkan sampel kuota. Sampel kuota melibatkan pemilihan dengan tujuan tertentu melalui beberapa tapisan. Sebagai contoh, sampel dipilih berdasarkan tempoh mengajar, mengajar matapelajaran yang di luar bidang pengetahuan dan tidak mempunyai pengalaman bekerja untuk tujuan penyelidikan (Mohamad Najib, 1999). Pemilihan juga dibuat dengan mengambil kira latar belakang sampel iaitu pensyarah yang mengajar matapelajaran yang di luar bidang kususnyanya sewaktu ijazah pertama.

Sampel bagi soal selidik secara temubual dibuat hanya keatas 6 orang pensyarah sebagai menyokong soal selidik di atas. Temubual dibuat berdasarkan pensyarah yang telah mengajar lebih daripada 10 tahun dan mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan tentang Unit Ukur Tanah dan Unit Senibina di Politeknik Ungku Omar, Perak. Sampel hanya meliputi satu politeknik sahaja kerana kekangan masa.

3.3 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini penulis menggunakan borang soal selidik rujuk Lampiran A dan Rujuk Lampiran B sebagai instrumen kajian. Soalan temubual dibentuk secara semi struktur kerana ia lebih kepada persoalan untuk mendapatkan jawapan dengan konkrit dan jelas iaitu tidak terikat pada teks soalan. Jawapan yang diperolehi akan dicatatkan sebagai nota atau menggunakan rakaman suara. (Mohamad Najib, 1999). Soal selidik digunakan untuk mendapatkan pandangan responden terhadap persoalan dan objektif kajian kerana ia boleh mengukur persepsi, sikap dan pandangan seseorang responden terhadap sesuatu peristiwa (Mohamad Najib, 1999).

3.3.1 Pembentukan Instrumen

Sebelum soal selidik dibina, penulis telah membuat bacaan literatur berhubung peranan latar belakang pendidikan dan tugas seorang pensyarah. Selain daripada itu pengkaji juga melihat tahap pemahaman pelajar jika seorang pensyarah yang kurang mahir dalam sesuatu matapelajaran terus mengajar di politeknik berkenaan. Ia dijalankan pada peringkat awal untuk mengesan kajian para sarjana dan dokumen-dokumen berkaitan dengan persoalan kajian untuk mencari konsistensi pandangan mereka dan sebagai panduan untuk membuat senarai semak apabila hendak menemubual pakar.

Temubual dijalankan dengan beberapa orang pensyarah politeknik yang dianggap 'pakar' untuk mengenalpasti adakah latar belakang seseorang pensyarah itu memainkan peranan yang penting dalam pengajaran. Temubual ini dijalankan dengan mereka yang mempunyai pengalaman dalam bidang yang hendak dikaji dan mereka ini telah berkhidmat selama sekurang-kurangnya 10 tahun supaya temubual ini mendapat pengesahan dan tidak ada pertikaian. Seramai enam orang yang berpengalaman dalam bidang pendidikan dan pengurusan telah ditemubual. Dapatan dari temubual ini mengesahkan senarai komitmen yang dirujuk oleh literatur serta dapatan daripada cadangan-cadangan kompetensi baru selain yang ditunjukkan dalam senarai semak pengesahan.

3.3.2 Borang Soal Selidik

Borang soal selidik dibentuk selepas pengesahan oleh pembimbing. Berdasarkan pandangan beliau dan kajian literatur, item-item disusun dan diagihkan mengikut pembahagian yang dirasakan sesuai. Dalam membina soal

selidik ini, pengkaji menggunakan tiga jenis item iaitu item yang berbentuk senarai semak iaitu jenis Thurstone dan item skala kadar iaitu menggunakan kaedah Likert serta item jenis soalan semi struktur bagi kaedah temubual. Skala Thurstone digunakan kerana pengkaji dapat mengenalpasti nilai-nilai yang boleh ditetapkan dalam satu kenyataan itu (Salkind, 1994). Menurut Mohamad Najib (1998) pula dalam item jenis Thurstone responden akan menjawab item ini dengan menandakan salah satu pilihan jawapan yang disediakan. Sementara item-item jenis Likert pula mengkehendaki responden menjawab dengan menandakan satu pilihan jawapan yang terdiri daripada satu kontinuum (ekstrem ke ekstrem) . Skala yang digunakan adalah seperti berikut:

Jadual 3.1 Rating Scale bagi bahagian C

skor	1	2	3	4	5
<i>Rating Scale</i>	Sangat Setuju	setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Sangat tidak setuju

(Sumber: Mohamad Najib Abdul Ghafar 1999)

3.4 Pengumpulan Data

Bagi menjalankan kajian ini, pengumpulan data utama ialah dengan menggunakan tinjauan soal selidik atau *survey questionair* manakala data dari temubual pensyarah berpengalaman akan digunakan untuk menyokong kesahihan data yang diperolehi dari tinjauan soal selidik.

Soalan soal selidik dibahagikan kepada dua jenis iaitu kepada soal selidik kepada pensyarah baru dan soalan temubual kepada pensyarah yang berpengalaman. Ianya merupakan sumber yang dapat memberi maklumat sebenar bagi sesuatu situasi dan tidak akan digunakan lagi sebagai rujukan lain pada masa akan datang. Menurut Salkind (1994) data primer adalah *the are original artifact, document, interview with the record of eyewitnesses. Diaries and school record that are original in nature.*

Disamping itu, data-data juga diperolehi daripada pemerhatian secara tidak formal, perbincangan, nota diari serta dokumen yang berkaitan bagi menyokong serta memperkayakan sumber data

3.5 Penganalisan Data

Semua data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian 'Statistical Package For Social Sciences' (SPSS) version 10.0. Data yang diperolehi daripada responden diolah dan dibahagi mengikut jawapan yang diperolehi. Bagi kedua-dua jenis soal selidik data di dalam bahagian A dan B dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan diterangkan menggunakan kaedah peratusan. Disamping itu data dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Bagi soal selidik kepada pensyarah yang mempunyai bahagian C akan dianalisis dalam bentuk statistik inferens iaitu untuk menerangkan pola sampel dan membuat andaian tentang populasi yang dapat memenuhi beberapa kriteria-

kreteria tertentu yang menunjukkan hubungan antara latarbelakang pendidikan pensyarah dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Ungku Omar, Perak.

Data-data yang diperolehi ini seterusnya akan dianalisis dalam kaedah *Korelasi Pearson* untuk menentukan kekuatan hubung kait antara

- i. latar belakang pensyarah terhadap persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
- ii. Kekuatan hubungkait antara minat, penguasaan ilmu dan pengalaman belajar dan bekerja seseorang pensyarah dengan kesediaan mengajar
- iii. Persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pensyarah yang kurang menguasai ilmu, tiada kemahiran dan tiada pengalaman bekerja.

Bagi kaedah temubual, analisis data yang dibuat adalah secara kualitatif yang digunakan untuk menyokong data-data diperolehi daripada data soal selidik kepada pensyarah. (Mohamad Najib, 1999).

3.6 Kajian Rintis

Pengumpulan data adalah menggunakan borang soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji berdasarkan kepada empat soalan kajian dalam Bab I. Untuk menentukan keesahan dan keboleh percayaannya borang soal selidik ini, maka satu kajian rintis (Pilot test) dilakukan.

Seramai sepuluh orang pensyarah telah dipilih untuk menjawab soalan kaji selidik ini. Tahap kebolehpercayaan dan keesahannya akan ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai *Alpha Cronbach* yang nilai julatnya antara 0.0 hingga 1.0. Sekiranya nilai ujian menghampiri 1.0, ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan dan keesahan yang tinggi dan jika nilai ujian menghampiri 0.0 pula ia menggambarkan tahap kebolehpercayaan dan keesahan yang rendah.

Berdasarkan kajian rintis yang telah dilakukan, nilai kebolehpercayaan item ditentukan dengan nilai *Alpha Cronbach* kepada responden yang telah menjawab soalan kajian rintis yang lepas. Nilai *Alpha Cronbach* bagi responden 'pensyarah' ialah 0.916. Setelah membuat pengubahsuaian terhadap item-item soalan yang tidak sesuai maka sekali lagi nilai kebolehpercayaan item dibuat. Ini adalah untuk memastikan bahawa soal selidik yang akan diedarkan itu mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai *Alpha Cronbach*nya yang didapati setelah dibuat pengubahsuaian adalah 0.7094. Ini bermakna soal selidik ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang kuat.

3.7 Andaian

Instrumentasi kajian yang menggunakan soal selidik akan memperolehi data berdasarkan kepada tanggapan responden di dalam jawapannya dan bukan dilakukan melalui eksperimen yang boleh dikawal secara berkesan. Oleh itu, penulis mengandaikan responden menjawab semua soalan di dalam borang soal selidik dengan jujur dan ikhlas.

3.8 Ringkasan

Metodologi kajian yang dibincangkan ini adalah merangkumi penerangan tentang kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini termasuklah rekabentuk kajian, instrumen kajian kaedah pengumpulan data, kaedah penganalisan data kajian yang akan ditunjukkan dalam Bab IV dan perbincangan Bab V kajian ini.

Tatacara pengumpulan data kajian dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Cara demikian dapat membantu kelancaran dan keberkesanan pengumpulan data tersebut. Data yang telah dikumpulkan dianalisa dengan menggunakan kaedah peratusan, min dan korelasi.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB IV

ANALISIS DATA

Penghasilan data dalam kajian ini dibuat berdasarkan hasil data daripada soal selidik responden. Data yang dihasilkan akan dinilai berdasarkan pandangan pensyarah baru dan pandangan pensyarah berpengalaman terhadap hubungkait antara latar belakang pendidikan akademik pensyarah dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bahagian ini memperjelaskan mengenai analisis data yang diperolehi mengikut langkah-langkah yang dinyatakan di dalam Bab III. Data yang telah dipungut diproses menggunakan perisian *SPSS ver 10*. Sesi temubual juga telah dilakukan dengan menemubual enam orang pensyarah yang telah lama bekerja dan mempunyai pengalaman. Data dianalisis dan diinterpretasikan berdasarkan nilai Pekali Pearson sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab III.

4.1 Soal Selidik.

Kajian ini melibatkan sampel yang terpilih sahaja dikalangan pensyarah baru yang mengajar kurang daripada empat tahun daripada Jabatan Kejuruteraan Awam merangkumi Unit Senibina dan Unit Ukur Tanah. Sebanyak 30 soalan selidik telah diedarkan kepada responden yang layak dan sebanyak 20 borang soal selidik sahaja yang dikembalikan oleh responden dengan jawapan yang lengkap untuk dianalisis.

4.2 Analisis Soal Selidik Kepada Pensyarah

Dalam soal selidik kepada pensyarah, Bahagian A ialah analisis maklumat diri responden, Bahagian B adalah tahap pendidikan dan pengalaman bekerja responden manakala Bahagian C adalah jawapan soal selidik yang dirumuskan untuk menjawab persoalan kajian.

4.2.1 Maklumat Responden : Bahagian A

Bahagian ini merupakan bahagian untuk mengetahui berkenaan jantina, umur pensyarah, berapa tahun berkhidmat sebagai pensyarah dan apakah matapelajaran yang diajar diluar bidang khusus mereka. Jadual 4.1 (muka surat 39) menunjukkan analisis maklumat responden dalam kajian ini.

Jadual 4.1 : Jantina

No. Soalan	Bilangan responden	Peratus (%)
Lelaki	10	50
Perempuan	10	50
Jumlah	20	100%

Analisis di atas (Jadual 4.1) menunjukkan jumlah bilangan pensyarah lelaki dan bilangan pensyarah perempuan adalah setara iaitu 10 orang. Sepertimana yang kita maklum, jawatan pensyarah banyak dipegang oleh kaum perempuan tetapi disebabkan unit senibina dan unit ukur tanah berada dibawah kejuruteraan awam maka banyak pensyarah lelaki di jabatan ini sebab itulah bilangan responden lelaki seimbang dengan responden wanita. Peratusannya adalah 50% bagi responden perempuan dan 50% bagi responden lelaki.

Jadual 4.2 : Umur Responden

No. Soalan	Bilangan responden	Peratus (%)
19-23 tahun	0	0
24-26 tahun	15	75
27-29 tahun	5	25
27-29 tahun	0	0
Jumlah	20	100%

Analisis umur responden dalam Jadual 4.2 di atas didapati sebanyak 75% daripada jumlah keseluruhan responden berumur diantara 24 hingga 26 tahun. Ini memberi makna bahawa mereka ini baru tamat pengajian di Institusi Pengajian Tinggi dan terus bekerja sebagai pensyarah. Mereka juga tidak pernah bekerja sebelum ini jadi tiada pengalaman bekerja dicatatkan disini. 25% pula adalah responden yang berumur 27 hingga 29 tahun dan ada diantara mereka pernah bekerja sebelum menjadi pensyarah.

Jadual 4.3: Tempoh Mengajar Di Politeknik.

No. Soalan	Bilangan responden	Peratus (%)
Satu	7	35
Dua	11	55
Tiga	1	5
Empat	1	5
Lima	0	0
Jumlah	20	100%

Mengenai tempoh mengajar responden sebanyak 55% daripada mereka didapati telah mengajar selama 2 tahun dipoliteknik, 35% telah mengajar 1 tahun dan masing-masing 5% mengajar selama 3 tahun dan 4 tahun. Ini bermakna mereka masih baru dalam mengajar matapelajaran yang diluar bidang yang mereka di politeknik.

Jadual 4.4: Matapelajaran Yang Pernah Diajar Tetapi Diluar Bidang Anda

No. Soalan	Bilangan responden	Peratus (%)
Amalan senibina	2	10
Autocad	1	5
Hitungan III	2	10
Ukur kadaster	1	5
Lanskap	1	5
Kartografi	1	5
Senireka I	2	10
Lukisan kerja II	4	40
Senireka IV	3	15
Math ukur tanah II	3	15
Jumlah	20	100%

Daripada analisis matapelajaran yang pernah diajar tetapi diluar bidang pensyarah (rujuk muka surat 40) didapati jumlah responden yang paling banyak mengajar matapelajaran Lukisan Kerja II adalah 4 orang. Ini bermakna matapelajaran Lukisan Kerja II (Unit Senibina) sering diajar oleh pensyarah baru yang kurang berpengalaman. Merujuk kepada lampiran C, peratusan keputusan pelajar dipoliteknik dalam jurusan senibina didapati peratus kelulusan hanyalah 91% daripada jumlah keseluruhan. Ini menunjukkan ada pelajar yang gagal dalam semester sesi Jun 2001. Dalam Unit Ukur Tanah, sebanyak 3 orang responden telah mengajar matapelajaran matematik ukur tanah sedangkan mereka berasal daripada bidang kejuruteraan bangunan. Merujuk kepada lampiran C peratusan keputusan pelajar dipoliteknik dalam Unit Ukur Tanah didapati 2 semester matapelajaran ini tidak mendapat peratus keseluruhan iaitu semester Sesi Disember 2000 hanya 85% dan Sesi Jun 2001 hanya 96% .

4.2.2 Tahap Pendidikan Dan Pengalaman Bekerja : Bahagian B

Bahagian ini merupakan analisis berkenaan tahap pendidikan dan pengalaman bekerja bagi pensyarah yang baru berkhidmat di politeknik. Ia akan mengenalpasti latar belakang pendidikan pensyarah sebelum mereka berkhidmat, sama ada mereka pernah bekerja, tempoh mereka bekerja, dalam bidang apa dan tempat mendapat pendidikan ijazah pertama. Jadual 4.2 menunjukkan analisis tahap pendidikan dan pengalaman bekerja bagi pensyarah yang baru berkhidmat .

Jadual 4.5: Latar Belakang Pendidikan Sewaktu Ijazah Pertama

No. Soalan	Bilangan responden	Peratus (%)
Rekabentuk dalaman	5	25
Kejuruteraan bangunan	4	20
Lanskap	1	5
Kejuruteraan awam	5	25
Ukur bahan	3	15
Ukur tanah	0	0
Jumlah	20	100%

Merujuk pada jadual di atas didapati bahawa kebanyakan pensyarah yang terpaksa mengajar di luar daripada bidang mereka adalah mereka yang terdiri daripada jurusan Rekabentuk Dalaman, Kejuruteraan Awam, Lanskap, Kejuruteraan Bangunan, Dan Ukur Bahan. Walaupun di universiti jurusan-jurusan ini terletak dibawah unit besar seperti senibina, perancangan dan ukur ataupun dibawah unit senireka tetapi bidang mereka di universiti lebih terperinci kepada satu jenis jurusan. Apabila mereka diminta mengajar di politeknik dalam bidang lain maka mereka tidak mempunyai kemahiran asas dalam bidang tersebut. Inilah antara masalah yang melanda pensyarah baru di politeknik.

Jadual 4.6: Pernah Bekerja

No. Soalan	Bilangan responden	Peratus (%)
Ya	5	25
tidak	15	75
Jumlah	20	100%

Jika dilihat daripada responden yang pernah bekerja didapati bahawa seramai 15 orang responden yang tidak pernah bekerja yang diwakili sebanyak 75% dan sebanyak 5 responden yang pernah bekerja dan ianya meliputi 25%. Ianya boleh dirujuk pada rajah

4.2 iaitu menunjukkan bahawa jumlah yang bekerja hanyalah 5 orang sahaja yang beumur antara 24 hingga 29 tahun. Jadi tidak banyak responden yang mempunyai pengalaman bekerja sebelum menjadi pensyarah.

Jadual 4.7: Berapa Lamakah Anda Bekerja

No. Soalan	Bilangan responden	Peratus (%)
1 bulan - 6 bulan	2	40
7 bulan – 1 tahun	1	20
1 tahun– 2 tahun	3	60
2 tahun – 3 tahun	0	0
lebih 3 tahun	0	0
Jumlah	5	100%

Daripada jadual di atas pula didapati bahawa dalam 5 orang responden yang pernah bekerja (Rajah 4.6) hanya 3 orang responden sahaja yang pernah bekerja daripada 1 tahun hingga 2 tahun yang diwakili sebanyak 60%. 2 orang responden pernah bekerja selama 1 bulan hingga 6 bulan dan 1 orang responden pernah bekerja 7 bulan hingga setahun. Tiada responden yang pernah bekerja lebih daripada 3 tahun sebelum mereka menjadi pensyarah. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pengalaman bekerja walaupun tempohnya tidak lama.

Jadual 4.8: Bidang Tugas Sewaktu Bekerja

No. Soalan	Bilangan responden	Peratus (%)
Pensyarah	1	20
Jurutera	3	60
Pegawai ukur bahan	2	40
Pereka Bentuk dalaman	0	0
Lain-lain	0	0
Jumlah	5	100%

Merujuk pada Jadual 4.8 (muka surat 43) didapati daripada 5 orang responden yang berkerja dan hanya 3 orang yang pernah menjadi pensyarah, 2 orang pernah menjadi jurutera, seorang pernah menjadi pegawai ukur bahan. Ini bermakna kebanyakan daripada mereka pernah bekerja dalam bidang yang mereka ikuti semasa ijazah pertama dahulu. Jadi mereka mempunyai pengalaman bekerja berbanding dengan 15 orang yang tidak pernah bekerja.

Jadual 4.9: Tempat Pendidikan Ijazah Pertama

No. Soalan	Bilangan responden	Peratus (%)
UTM	7	35
UiTM	6	30
USM	7	35
UUM	0	0
UM	0	0
Lain-lain	0	0
Jumlah	20	100%

Walaupun responden-responden ini mendapat pendidikan tinggi di institusi pengajian tinggi namun didapati bilangan responden lebih cenderung kepada jurusan kejuruteraan. Ini adalah kerana 25% daripada mereka daripada UTM, 30% daripada UiTM dan 35% daripada USM yang mana universiti-universiti ini menawarkan program kejuruteraan. Ini menunjukkan hanya responden yang mengambil bidang awam sahaja sesuai mengajar matapelajaran kejuruteraan.

3.2.3 Kelayakan Mengajar, Minat, Pengalaman Bekerja, Penguasaan Ilmu, Kemahiran, Beban Dan Kesiediaan Mengajar : Bahagian C

Bahagian ini mengandungi 40 item bagi menjawab persoalan kajian dua, tiga dan empat. Item-item yang dibina dalam soal selidik terdiri daripada item-item yang digunakan untuk menganalisis persoalan kajian. Bentuk-bentuk item dipadankan dengan persoalan kajian seperti berikut bagi menjawab setiap persoalan yang timbul.

- i. Apakah ciri-ciri pensyarah yang efektif dan berkesan dari segi penguasaan ilmu dan kemahiran, minat dalam bidang tertentu serta pengalaman belajar dan bekerja.
- ii. Adakah latar belakang pendidikan pensyarah mempengaruhi persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
- iii. Adakah minat, pengalaman serta penguasaan ilmu dalam sesuatu bidang yang diceburi akan meningkatkan tahap kesiediaan pensyarah dalam pengajaran.
- iv. Apakah pandangan pelajar terhadap pensyarah jika pensyarah kurang menguasai isi matapelajaran, kemahiran dan tidak mempunyai pengalaman bekerja.

Persoalan kajian yang pertama dianalisis berdasarkan min daripada data soal selidik dan disokong oleh jawapan temubual oleh pensyarah yang berpengalaman. Walaubagaimanapun untuk persoalan kajian yang kedua, ketiga dan keempat ianya dianalisis dalam bentuk korelasi untuk melihat perkaitan di antara kedua-dua pemboleh ubah.

4.3 Temubual

Dapatan daripada temubual diringkaskan dalam bentuk rajah pada Lampiran C. Temubual diperolehi daripada enam orang pensyarah yang berpengalaman dan tahu tentang pengambilan tenaga pengajar baru di politeknik. Analisis temubual dinyatakan sebagai sokongan kepada data soal selidik yang akan disinambungkan dalam penganalisan nilai min dan korelasi.

4.4 Analisis Nilai Skor Min

Dalam bahagian ini, kajian yang dilakukan adalah untuk melihat nilai skor min bagi setiap bahagian yang akan dikorelasikan. Analisis dilakukan berdasarkan kepada skor min dan nilai signifikan responden terhadap soalan yang telah dikemukakan dalam borang soal selidik. Penggunaan skor min ini adalah untuk mengenalpasti pembolehubah yang tidak bersandar yang paling signifikan terhadap pembolehubah bersandar. Tahap keberkesanan bagi setiap pembolehubah akan diukur berdasarkan jadual yang telah diubah suai daripada Wiersma William (1995) merujuk kepada Jadual 4.10

Jadual 4.10: Tahap Skor Min

Kod kumpulan	Julat	Tanggapan pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran
1	1.00 – 1.80	Sangat yakin dengan pengajaran
2	1.81 – 2.61	Yakin dengan pengajaran
3	2.62 – 3.41	Sederhana yakin dengan pengajaran
4	3.42 – 4.21	Kurang yakin dengan pengajaran
5	4.22 – 5.00	Tidak yakin dengan pengajaran

(Sumber : Wiersma William (1995) dipetik dari Mohamad Najib Abdul Ghafar 1999)

i) Kelayakan Mengajar

Dalam jadual 4.11 terdapat 5 item yang telah dikemukakan. Keseluruhan daripada nilai min yang diperolehi iaitu 4.24 menunjukkan bahawa semua responden mendapati persepsi pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah pelajar kurang yakin dengan pengajaran memandangkan pensyarah kurang mempunyai latar belakang pendidikan akademik yang setara dengan matapelajaran yang diajar.

Jadual 4.11: Kelayakan Mengajar

No	Latar Belakang pensyarah	Nilai min
1.	Anda merasakan anda sebenar-benarnya tidak layak mengajar matapelajaran yang diluar bidang anda	4.05
2.	Bidang yang anda perolehi semasa ijazah pertama tidak boleh dijadikan rujukan yang mendalam dalam matapelajaran tersebut	3.65
3.	Anda merasakan latar belakang pendidikan akademik anda memadai untuk terus mengajar matapelajaran tersebut.	4.30
4.	Anda merasakan latar belakang pendidikan akademik anda boleh disuaikan dengan matapelajaran yang anda ajar.	4.40
5.	Anda merasakan anda perlu belajar semula dengan mendalam dan mempunyai kemahiran untuk mengajar matapelajaran tersebut.	4.80
	Keseluruhan nilai min	4.24

Ini disokong oleh dapatan daripada temubual pensyarah yang berpengalaman.

Seramai 5 daripada 6 orang pensyarah ini mengatakan bahawa latar belakang pendidikan akademik memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Salah seorang pensyarah mengatakan

“ memang ada pelajar yang datang bertanya soalan yang mereka tidak memahaminya dalam matapelajaran yang tertentu sedangkan saya tidak mengajar kelas tersebut. Apabila ditanya kenapa tidak soal pensyarah yang mengajar, mereka mengatakan bahawa mereka langsung tidak memahami apa yang diajar oleh pensyarah tersebut lagipun pensyarah tersebut bukan dari bidang yang betul. Jadi mereka mencari alternatif lain iaitu bertanya kepada pensyarah senior”. (Pensyarah Unit Senibina)

Daripada dapatan ini jelas bahawa latar belakang pendidikan pensyarah merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pencapaian pelajar meningkat atau

menurun. Pelajar akan lebih yakin semasa belajar di dalam kelas apabila seseorang pensyarah itu mempunyai tahap latar belakang yang baik dalam bidang yang diajar.

ii) Tanggapan Pelajar

Secara keseluruhannya bagi tanggapan pelajar didapati daripada Jadual 4.12 bahawa nilai min yang diperolehi iaitu 3.77 menunjukkan bahawa semua responden mendapati memang terdapat persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahawa pensyarah baru mempunyai kekurangan dari segi penyampaian isi kandungan di dalam kelas ataupun makmal. Ini adalah kerana mereka tidak memahami penyampaian kuliah dan sering bertanyakan pensyarah lain di luar kelas. Jadi mereka kurang yakin dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Jadual 4.12: Tanggapan Pelajar

No	Tanggapan pelajar	Nilai Min
1.	Pelajar anda sukar bertanyakan soalan dan menjawab soalan secara sepontan di dalam kelas	3.95
2.	Ada pelajar anda yang sering bertanyakan pensyarah yang lebih berpengalaman jika dia tidak jelas tentang sesuatu soalan di luar kelas.	4.15
3.	Ada pelajar anda yang sering bertanyakan soalan seperti menguji anda ketika anda mengajar di dalam kelas	3.95
4.	Ada pelajar anda berasa kurang yakin terhadap penyampaian anda dan sering menyatakan tidak faham	3.8
5.	Ada diantara pelajar anda yang kurang memberikan perhatian di dalam kelas ketika anda mengajar.	3.90
	Keseluruhan nilai min	3.77

Merujuk kepada temubual dengan Pensyarah Unit Senibina, keyakinan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pensyarah akan berkurangan apabila mereka sering bertanyakan kepada pensyarah lain yang lebih mahir dan berpengalaman. Daripada jawapan temubual juga didapati pensyarah berpengalaman juga mempunyai tanggapan bahawa pensyarah baru kurang pengalaman dalam proses menyampaikan

ilmu. Pada pendapat mereka masalah ini akan dapat di atasi apabila pensyarah ini mengajar matapelajaran tersebut selama beberapa tahun namun bagaimana prestasi pelajar yang terpaksa belajar dengan pensyarah tersebut pada tahun pertama dan kedua. Ini akan mengakibatkan pencapaian pelajar dalam penilaian berterusan akan merosot.

iii) Minat Terhadap Matapelajaran Yang Diajar

Merujuk kepada Jadual 4.13, minat terhadap matapelajaran yang diajar didapati nilai min secara keseluruhan yang diperolehi ialah 4.40 menunjukkan bahawa semua responden mendapati minat adalah penting bagi mereka untuk menguatkan penguasaan isi kandungan dalam matapelajaran yang diajar. Persepsi pelajar terhadap responden dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah mereka tidak yakin dengan pengajaran sekiranya pensyarah sendiri tidak menunjukkan minat terhadap matapelajaran tersebut.

Jadual 4.13: Minat Terhadap Matapelajaran Yang Diajar

No	Minat terhadap matapelajaran yang diajar	Nilai min
1.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda sangat berminat dengan kursus yang anda ambil pada masa ijazah sarjana muda	4.05
2.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda amat berminat dalam bidang pekerjaan anda	4.15
3.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa setiap pensyarah perlu mengajar subjek yang khusus yang beliau mahir dalam bidangnya bersesuaian dengan minatnya.	4.70
4.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa minat yang mendalam dalam sesuatu bidang dapat membantu meningkatkan prestasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.	4.30
5.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa dalam jangka masa yang panjang anda dapat menguasai bidang yang di luar kursus anda walaupun anda kurang berminat.	4.50
6.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa adakah anda masih berminat untuk mengajar matapelajaran dalam	4.70

	bidang pengkhususan anda	
	Keseluruhan nilai min	4.40

Kenyataan ini disokong oleh dapatan daripada temubual yang mana semuanya bersetuju mengatakan bahawa minat mengajar merupakan salah satu keperluan sebagai seorang pensyarah. Antara kata-kata 2 orang daripada pensyarah tersebut adalah:

“Perlu ada minat. Hendak menjadi pensyarah sendiri pun perlu ada minat. Tak minat menjadi pensyarah tidak akan dapat menjadi pensyarah yang baik. Selain minat menjadi pensyarah perlu ada minat dalam mata pelajaran yang hendak disampaikan. Selalunya matapelajaran ini adalah matapelajaran yang memang menjadi minat seseorang pensyarah itu semasa beliau belajar dan bekerja”. (Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam)

“Minat perlu ada dalam diri pensyarah yang berkesan. Bila dia berminat terhadap pelajaran yang di ajar secara tidak langsung dia akan mempengaruhi pelajar-pelajarnya untuk turut meminati mata pelajaran yang diajar. Jika pensyarah sendiri tidak berminat bagaimana nak menerapkan minat belajar dalam mata pelajaran tersebut kepada pelajar”
(Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam)

Disini jelas menunjukkan bahawa minat dianggap sesuatu yang penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

iv) Pengalaman Bekerja

Merujuk kepada Jadual 4.14 daripada 6 item yang dikemukakan keseluruhan nilai min yang diperolehi iaitu 4.07 menunjukkan bahawa semua responden mendapati pengalaman bekerja dan belajar adalah penting bagi mereka untuk menguatkan penguasaan isi kandungan dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam matapelajaran

yang diajar. Persepsi pelajar terhadap responden dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah mereka kurang yakin dengan pengajaran sekiranya pensyarah tidak mempunyai pengalaman dan tidak memberikan contoh yang sebenar di alam pekerjaan.

Jadual 4.14: Pengalaman Bekerja

No	Pengalaman bekerja	Nilai min
1.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan semasa belajar di peringkat ijazah pertama	3.75
2.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda telah banyak menimba pengetahuan dan pengalaman daripada bidang tugas anda	4.00
3.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan semasa bekerja	4.25
4.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa pelajar kurang berminat terhadap apa yang anda sampaikan jika kurang diberi contoh serta pengalaman.	3.65
5.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa pengalaman anda sewaktu bekerja banyak menolong dalam proses pembelajaran dan pengajaran di politeknik.	4.32
6.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa pengalaman anda sewaktu belajar banyak menolong dalam proses pembelajaran dan pengajaran di politeknik	4.45
	Keseluruhan nilai min	4.07

Jika dirujuk daripada data soal selidik bahagian B Jadual 4.7, tahap pendidikan dan pengalaman bekerja, jelas menunjukkan bahawa hanya 5 daripada 20 orang pensyarah yang kaji mempunyai pengalaman dalam bidang pekerjaan walaupun tidak dalam tempoh yang lama. Walaubagaimanapun jumlah ini sedikit jika dibandingkan dengan pensyarah yang tidak mempunyai pengalaman yang mana pengalaman adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

V) Penguasaan Ilmu Pengetahuan

Terdapat 6 item yang dikemukakan dalam Jadual 4.15 dan nilai min keseluruhan yang diperolehi iaitu 4.51 menunjukkan bahawa semua responden mendapati penguasaan isi kandungan dan pengetahuan dalam matapelajaran yang diajar adalah penting. Jika pensyarah tidak dapat menguasai isi kandungan bagaimana pensyarah hendak berbincang soalan dan menjawab soalan secara sepontan di dalam kelas. Selain daripada itu penguasaan isi kandungan juga penting untuk memperkuat hujah-hujah ketika menyampaikan pelajaran di dalam kelas.

Tanggapan pelajar terhadap responden dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah mereka tidak yakin dengan pengajaran sekiranya pensyarah sendiri tidak dapat menguasai isi kandungan dan kurang pengetahuan dalam matapelajaran tersebut. Ini disokong oleh dapatan daripada temubual yang mana semua responden bersetuju mengatakan bahawa penguasaan ilmu pengetahuan merupakan salah satu keperluan sebagai seorang pensyarah. Antara kata-kata seorang daripada pensyarah tersebut adalah:

“Ya, sudah tentu. Itulah perkara pokoknya. Tak ada pengetahuan yang mendalam lebih baik jadi student sahaja. Pensyarah perlu ada pengetahuan yang berkali-kali ganda daripada pelajar” (Pensyarah Unit Senibina)

Penguasaan pengetahuan dalam bidang yang hendak disampaikan kepada pelajar dilihat sebagai perkara pokok yang perlu ada dalam diri setiap pensyarah. Ini merupakan mekanisme penting untuk menyampaikan apa yang tersirat dan tersurat dalam isi kandungan matapelajaran tersebut.

Jadual 4.15: Penguasaan Ilmu Pengetahuan

No	Penguasaan ilmu pengetahuan	Nilai min
1.	Anda terpaksa mencari lebih banyak maklumat terkini mengenai metapelajaran yang bukan bidang anda untuk tujuan pengajaran	4.15
2.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda yakin anda boleh mengajar dengan baik jika diberi peluang dalam bidang anda	4.60
3.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda boleh menceritakan secara lisan dan lancar jika ditanya apakah tugas dan peranan anda di tempat kerja..	4.70
4.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda menginginkan metapelajaran yang anda ajar itu berkaitan dengan bidang khusus anda semasa ijazah sarjana muda.	4.45
5.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa pencapaian pelajar kurang baik jika metapelajaran tersebut tidak disampaikan secara mendalam.	4.65
6.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda terpaksa mengambil masa yang lama untuk mengajar serta memahami mereka.	4.55
Keseluruhan nilai min		4.51

vi) Kemahiran

Namun begitu jika dilihat dalam Jadual 4.16 daripada 4 item yang telah dikemukakan didapati keseluruhan daripada nilai min yang diperolehi iaitu 3.50 menunjukkan bahawa semua responden mendapati kemahiran juga penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi pelajar senibina kemahiran yang diperlukan adalah lukisan maka pensyarah juga harus tahu dan mempunyai kemahiran dalam lukisan supaya dapat menunjuk ajar pelajar yang kurang mahir. Tanggapan pelajar terhadap responden dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah mereka mempunyai tahap keyakinan yang sederhana.

Jadual 4.16: Kemahiran

No	Kemahiran	Nilai min
1.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda rasa anda lebih mahir dalam bidang khusus anda selepas bekerja.	4.45
2.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan pelajar anda membandingkan cara penyampaian anda dengan pensyarah yang lebih lama	3.50
3.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda mempelajari banyak bidang yang berkaitan dengan pendidikan teknik dan vokasional	3.20
4.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda mempunyai kemahiran dalam pendidikan teknik dan vokasional semasa belajar	2.85
	Keseluruhan nilai min	3.50

Kenyataan ini disokong oleh dapatan daripada temubual yang mana semuanya bersetuju mengatakan bahawa kemahiran merupakan salah satu keperluan sebagai seorang pensyarah. Antara kata-kata seorang daripada pensyarah tersebut adalah:

“Sepatutnya mereka perlu tahu kemahiran dalam makmal, studio atau bengkel kerana mereka telah belajar dan ada pengalaman. Pengetahuan harus banyak untuk mengajar orang lain. Pretasi pelajar sudah tentu merosot”
(Pensyarah Ukur Tanah)

Selain daripada itu terdapat 3 orang pensyarah berpendapat bahawa kebolehan dalam kemahiran boleh dipelajari dalam masa yang singkat oleh seseorang pensyarah baru. Sama ada mereka ingin belajar atau tidak bergantunglah kepada kemahuan mereka untuk berbuat demikian. Antara kata-kata pensyarah tersebut adalah:

“Pensyarah ini boleh belajar. Tidak perlu malu bertanya. Kena lebih bersungguh-sungguh. Prestasi pelajar mungkin merosot tetapi bergantung kepada pelajar yang nak belajar”
(Pensyarah Unit Senibina)

Dapat dirumuskan bahawa kemahiran perlu ada sebagai pengetahuan dalam diri setiap pensyarah kerana dengan kemahiran inilah mereka perlu mengajar pelajar-pelajar dalam makmal ataupun bengkel.

vii) Beban

Daripada Jadual dibawah (Jadual 4.17), 3 item yang telah dikemukakan secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa nilai min yang diperolehi iaitu 3.90 menunjukkan bahawa semua responden mendapati jika mereka mengajar matapelajaran yang diluar bidang mereka, ianya akan menjadi beban memandangkan mereka perlu membaca semula dan mempelajari kemahiran yang ada. Persepsi pelajar terhadap responden dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah mereka kurang yakin dengan pengajaran sekiranya pensyarah sendiri sering memperlihatkan bahawa mengajar dalam matapelajaran tersebut adalah membebankan. Malah kadang kala pensyarah akan terbawa-bawa masalah beban tugas ke dalam kelas ketika mengajar dan akan mengganggu perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.17: Beban

No	Beban	Nilai min
1.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan mengajar matapelajaran yang bukan bidang anda adalah membebankan	3.75
2.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda kurang berpuas hati apabila mengajar dipoliteknik dalam bidang lain selain daripada bidang pengkhususan anda.	4.0
3.	Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa anda terpaksa membuat persediaan yang rapi dari segi pembacaan untuk menyampaikan matapelajaran yang bukan bidang anda.	4.05
	Keseluruhan nilai min	3.90

viii) Kesiediaan Mengajar

Analisis di bawah iaitu merujuk kepada Jadual 4.18 menunjukkan bahawa purata nilai min yang diperolehi iaitu 3.22 Ini menerangkan bahawa semua responden mendapati bahawa setiap pensyarah perlu bersedia sebelum memasuki kelas. Bersedia disini adalah bersedia dengan isi kandungan, bersedia dengan soalan, bersedia dengan aktiviti dalam kelas dan pelbagai teknik pengajaran lagi. Persepsi pelajar terhadap responden dalam proses pengajaran dan pembelajaran jika pensyarah kurang bersedia semasa memasuki kelas adalah mereka kurang yakin dengan pengajaran kerana pensyarah menyampaikan isi kandungan secara tidak lancar.

Jadual 4.18: Kesiediaan mengajar

No	Kesiediaan mengajar	Nilai min
1.	Anda kurang bersedia setiap kali memasuki kelas	3.30
2.	Anda kurang bersedia untuk menjawab soalan secara seponatan	3.65
3.	Anda kurang menyediakan alat bantu mengajar seperti nota, rujukan untuk mengukuhkan isi kandungan anda.	2.75
4.	Anda kurang mempunyai cukup ilmu untuk mengajar mereka dengan penuh yakin.	3.25
5.	Anda kurang bersedia untuk tunjuk ajar mereka 'kemahiran secara hands-on' di dalam makmal ataupun studio.	3.15
	Keseluruhan nilai min	3.22

Kenyataan ini disokong oleh dapatan daripada temubual yang mana semua bersetuju mengatakan bahawa kesiediaan mengajar merupakan salah satu keperluan sebagai seorang pensyarah dan salah seorang daripada pensyarah Ukur Tanah mengatakan:

“Pensyarah baru memang gementar. Jadi perlu banyak bersedia dan terbuka. Kalau seseorang pensyarah itu bersedia dengan ilmu, ada pengetahuan tentu mereka akan memasuki kelas dengan penuh yakin untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar. Apabila pensyarah yakin tentu pelajar-pelajar akan bertambah yakin dengan hujah yang disampaikan”

(Pensyarah Ukur Tanah)

Ini menunjukkan bahawa kesediaan pensyarah sebelum memasuki kelas adalah penting. Kesediaan yang cukup dari segi kemahiran, pengetahuan, penguasaan ilmu, minat dan pengalaman akan menjadikan tahap kesediaan mengajar bagi seseorang pensyarah tersebut meningkat dengan penuh yakin.

4.5 Analisis Korelasi

Bagi pengujian korelasi, pengkaji menggunakan analisis *korelasi pearson* bagi melihat hubungan atau pertalian di antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini. Pengkaji telah mengenalpasti bahawa terdapat tiga perkaitan penting yang telah wujud berdasarkan kepada persoalan kajian iaitu :

- i. Hubungkait antara latar belakang pendidikan pensyarah dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Jadual 4.19)

Melalui analisis korelasi yang dibuat antara latar belakang pensyarah terhadap tanggapan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran, didapati bahawa dapatan menunjukkan wujud hubungan yang sederhana iaitu pada kadar .509 antara keduanya. Interpretasi yang dapat diwujudkan di sini ialah latar belakang pensyarah mempunyai

hubungan dan mempengaruhi tanggapan pelajar terhadap seseorang pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.19: Latar Belakang Pendidikan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar

		Latar belakang pensyarah	Tanggapan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran
Latar belakang pensyarah	Korelasi	1.000	.509*
	Pearson	.	0.22
	Sig. (2-hujung)	20	20
	N		
Tanggapan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran	Korelasi	.509*	1.000
	Pearson	0.22	.
	Sig. (2-hujung)	20	20
	N		

Justeru itu adalah didapati wujud hubungan yang positif antara latar belakang pensyarah dengan persepsi pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di politeknik. Sehubungan dengan itu adalah jelas bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara latar belakang pendidikan pensyarah dengan persepsi pelajar kepada pensyarah tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran

ii. Hubungkait di antara minat, pengalaman serta penguasaan ilmu dalam sesuatu bidang yang diceburi akan meningkatkan tahap kesediaan pensyarah dalam pengajaran (Jadual 4.20)

Dalam analisis korelasi bagi Jadual 4.20, persoalan kajian yang ketiga iaitu melihat hubungkait di antara minat, pengalaman belajar dan penguasaan ilmu pengetahuan bagi seseorang pensyarah dengan kesediaan beliau mengajar di dalam kelas

didapati bahawa dapatan menunjukkan wujud hubungan yang sederhana iaitu pada kadar .522. Interpretasi yang dapat diwujudkan di sini ialah minat, pengalaman belajar dan penguasaan ilmu pengetahuan bagi seseorang pensyarah mempengaruhi kesediaan beliau mengajar di dalam kelas, makmal ataupun studio.

Jadual 4.20: Minat, Pengalaman Belajar Dan Penguasaan Ilmu Pengetahuan Dengan Kesediaan Mengajar

		Minat, pengalaman belajar dan penguasaan ilmu pengetahuan	Kesediaan mengajar
Minat, pengalaman belajar dan penguasaan ilmu pengetahuan	Korelasi Pearson	1.000	.522*
	Sig. (2-hujung)	.	0.18
	N	20	20
Kesediaan mengajar	Korelasi Pearson	.522*	1.000
	Sig. (2-hujung)	0.18	.
	N	20	20

Daripada Jadual 4.20 jelas menunjukkan bahawa wujud hubungan yang positif antara minat, pengalaman belajar dan penguasaan ilmu pengetahuan bagi seseorang pensyarah mempengaruhi kesediaan beliau mengajar di dalam kelas, makmal ataupun studio. Sehubungan dengan itu adalah jelas bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara minat, pengalaman belajar dan penguasaan ilmu pengetahuan bagi seseorang pensyarah terhadap kesediaan beliau mengajar di dalam kelas, makmal ataupun studio.

iii. Hubungkait di antara pandangan pelajar terhadap pensyarah jika pensyarah kurang menguasai isi matapelajaran, kemahiran dan tidak mempunyai pengalaman bekerja (Jadual 4.21)

Melalui analisis korelasi yang ketiga iaitu daripada Jadual 4.21, didapati bahawa dapatan menunjukkan wujud hubungan yang sederhana iaitu pada kadar .633. Interpretasi yang dapat diwujudkan di sini ialah terdapat hubungkait yang kuat di antara pensyarah yang kurang menguasai ilmu, kurang berminat dan kurang berpengalaman dalam menyampaikan matapelajaran yang diajar dengan tanggapan pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.21: Pensyarah Kurang Menguasai Isi Matapelajaran, Kemahiran Dan Tidak Mempunyai Pengalaman Bekerja

		Pensyarah yang kurang menguasai ilmu, kurang berminat dan kurang berpengalaman	Tanggapan pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran
Pensyarah yang kurang menguasai ilmu, kurang berminat dan kurang berpengalaman	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	1.000 . 20	.633* .003 20
Tanggapan pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.633* .003 20	1.000 . 20

Justeru itu adalah didapati wujud hubungan yang positif iaitu nilai korelasi nya adalah 0.633 di antara pensyarah yang kurang menguasai ilmu, kurang berminat dan kurang berpengalaman dalam menyampaikan matapelajaran yang diajar dengan

tanggapan pelajar terhadap pensyarah tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sehubungan dengan itu adalah jelas bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara pensyarah yang kurang menguasai ilmu, kurang berminat dan kurang berpengalaman dalam menyampaikan matapelajaran yang diajar dengan tanggapan pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

4.6 Ringkasan

Hasil daripada analisis yang telah dilakukan didapati bahawa memang wujud perkaitan di antara latar belakang pendidikan pensyarah dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Seterusnya dapatan daripada analisis ini akan dibincangkan dalam Bab V secara keseluruhannya.

BAB V

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Bab ini membincangkan mengenai pandangan penulis secara keseluruhan tentang hasil kajian yang diperolehi daripada Bab IV. Setiap hasil kajian yang diperolehi dari setiap bahagian soal selidik adalah saling berkaitan di antara satu sama lain bermula dari Bahagian A, B dan C iaitu maklumat responden, tahap pendidikan dan pengalaman bekerja, kelayakan mengajar, minat, pengalaman bekerja, penguasaan ilmu, kemahiran, beban dan kesediaan mengajar. Selain daripada membincangan rumusan dan perbincangan, melalui bab ini juga penyelidik memperkatakan tentang kesimpulan dan cadangan berdasarkan hasil kajian daripada Bab IV.

5.1 Rumusan Dan Perbincangan

Rumusan dan perbincangan yang dibuat adalah berdasarkan hasil daripada dapatan kajian bagi membincangkan perkara-perkara yang berikut:

- i) Pensyarah yang efektif.
- ii) Hubungkait antara latar belakang pendidikan pensyarah dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
- iii) Hubungkait antara minat, pengalaman serta penguasaan ilmu terhadap tahap kesediaan pensyarah dalam pengajaran.
- iv) Hubung kait antara persepsi pelajar terhadap pensyarah jika pensyarah kurang menguasai isi matapelajaran, kemahiran dan tidak mempunyai pengalaman bekerja.

5.1.1 Pensyarah Yang Efektif

Daripada analisis min soal selidik dan temubual daripada pensyarah yang berpengalaman di dapati dalam menghasilkan pensyarah yang efektif dan berkesan perlulah ada ciri-ciri tertentu dalam diri seseorang pensyarah baru. Ciri-ciri yang dimaksudkan adalah mempunyai sumber ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam, dapat menguasai sesuatu bidang yang diceburi, mempunyai pengalaman bekerja dan tahu apa sahaja yang berkaitan dengan bidangnya. Minat yang mendalam terhadap bidang tersebut juga akan menjadikan pensyarah tersebut lebih cenderung untuk membuat penyelidikan dan pembacaan berterusan.

Pensyarah yang berkesan juga boleh memberi motivasi kepada pelajar untuk sentiasa berbincang dan bertanyakan soalan jika terdapat kemusykilan dalam matapelajaran tersebut. Ini disokong oleh pensyarah daripada Politeknik Ungku Omar dalam temubual yang telah dilakukan. Mereka berpendapat bahawa pensyarah yang berkesan juga adalah pensyarah yang mempunyai ciri-ciri amanah, toleransi, cekap, tegas, berwibawa, mempunyai kualiti diri dan sentiasa bersedia dalam segala hal.

Apabila mereka mempunyai sikap dan ciri-ciri yang demikian sudah tentu mereka akan dihormati. Mereka juga boleh mempengaruhi pencapaian pelajar dalam akademik kerana daripada pendapat pensyarah dalam temubual menyatakan, pensyarah boleh mempengaruhi pencapaian pelajar jika pelajar ada perasaan hormat atas sikap tegas pensyarah, sentiasa berusaha meningkatkan diri, bertanggungjawab dan sentiasa dapat mengawal disiplin pelajar. Ada juga pensyarah yang berpendapat latar belakang pendidikan pensyarah boleh dijadikan alat untuk membantu pelajar berjaya kerana mereka akan menjadikan pensyarah tersebut sebagai idola.

Pensyarah ini juga patut terus meningkatkan tahap pengajaran dengan mencuba teknik-teknik pengajaran yang baru seperti penggunaan komputer dalam menyampaikan kuliah. Pensyarah berkesan sentiasa memikirkan pencapaian pelajar mereka agar dapat melahirkan pelajar yang berkualiti dalam kuantiti yang tinggi (Zaidatul Akmaliah dan Ramlah, 2001).

5.1.2 Hubungkait Antara Latar Belakang Pendidikan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Dalam Kelas

Daripada persoalan kajian yang kedua jelaslah didapati bahawa wujud hubungan yang positif antara latar belakang pensyarah dengan tanggapan pelajar terhadap pensyarah tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran di politeknik.

Latar belakang pensyarah memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam Bab IV, analisis kajian latar belakang dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu bahagian kesediaan mengajar, kemahiran, minat terhadap matapelajaran yang diajar, mempunyai pengalaman semasa bekerja dan belajar dan dapat menguasai isi kandungan matapelajaran yang diajar. Kelima-lima bahagian ini disatukan dengan mencari min untuk menentukan nilai min keseluruhan bagi proses korelasi (Jadual 4.19). Daripada nilai korelasi antara latar belakang pendidikan akademik pensyarah dengan tanggapan pelajar terhadap pensyarah tersebut sewaktu menyampaikan kuliah maka dapat dirumuskan bahawa terdapat perkaitan yang sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah ini iaitu 0.509. Ini bermakna setiap satu daripada kedua-dua pemboleh ubah ini saling berkait.

Disini dapatlah dikatakan bahawa latar belakang pendidikan akademik pensyarah merupakan faktor besar yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar kerana jika pelajar yakin dengan seseorang pensyarah itu maka mereka akan lebih bersungguh-sungguh dalam menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran. Kesediaan mengajar merupakan faktor utama kepada seseorang pensyarah sebelum mereka memasuki kelas. Apabila mereka telah bersedia

dengan isi kandungan, mempunyai ilmu pengetahuan dan ada kemahiran maka mereka akan lebih berkeyakinan untuk melangkah masuk kedalam kelas.

Menurut Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Wawasan dan Agenda Pendidikan (2000) mengariskan tiga syarat untuk dipertimbangkan bagi perlantikan pensyarah sebagai pensyarah pakar atau pensyarah berkesan iaitu mempunyai latar belakang pendidikan akademik yang baik, mempunyai kecemerlangan peribadi dan kerjaya serta boleh berkomunikasi dengan jelas serta berpotensi dalam pelbagai aspek. Latar belakang yang dimaksudkan disini terdiri daripada kelima-lima aspek yang dinilai dalam analisis sebelum ini iaitu kesediaan mengajar, kemahiran, minat terhadap matapelajaran yang diajar, mempunyai pengalaman semasa bekerja dan belajar dan dapat menguasai isi kandungan matapelajaran yang diajar. Jelaslah disini bahawa latar belakang merupakan peranan penting dalam menentukan pencapaian akademik pelajar di politeknik.

5.1.3 Hubungkait Antara Minat, Pengalaman Serta Penguasaan Ilmu Terhadap Tahap Kesediaan Pensyarah Dalam Pengajaran.

Daripada persoalan kajian yang ketiga pula didapati bahawa terdapat hubungkait yang positif di antara minat, pengalaman belajar dan penguasaan ilmu pengetahuan bagi seseorang pensyarah dengan kesediaan beliau mengajar di dalam kelas (Jadual 4.20). Minat yang dimaksudkan disini adalah minat terhadap bidang yang dimilikinya. Sepertimana yang kita tahu minat merupakan faktor utama dalam menentukan pemilihan sesuatu bidang sebelum memasuki sesebuah Institut Pengajian Tinggi. Minat juga membolehkan seseorang pelajar belajar

dengan lebih berkesan kerana dengan minat yang mendalam mereka berupaya melakukan apa sahaja untuk mencapai minatnya.

Minat yang mendalam dalam bidang pengajaran juga mendorong pensyarah memotivasikan diri mereka dan pelajar kearah matlamat dan objektif pendidikan berdasarkan Falsafah pendidikan Negara. Namun begitu ianya tidak cukup jika sekadar minat pada bidang perguruan tetapi kurang berminat dengan matapelajaran yang diajar kerana kekurangan minat dalam bidang yang diajar akan menyebabkan pensyarah tidak dapat mencapai objektif pengajaran secara mendalam.

Selain daripada minat, pengetahuan dalam sesuatu bidang juga amat perlu bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan yang dimaksudkan adalah pengetahuan yang mendalam, pengetahuan terkini dan pengetahuan yang tidak terbatas. Menurut Abd. Rahim (2000), pengetahuan pensyarah tidak hanya terbatas dalam lingkungan buku teks ataupun modul tetapi mereka perlulah lebih berfikiran luas dan sentiasa mencari maklumat terkini dengan membuat penyelidikan dan penulisan buku. Ianya selaras dengan konsep 'pendidikan sepanjang hayat' iaitu konsep yang perlu ada dalam diri setiap pensyarah dengan sentiasa menambah kualiti keilmuan dan pengetahuan dari sehari ke sehari.

Oleh sebab itulah dalam faktor pengalaman, ianya menjadi keperluan kepada seseorang pensyarah. Pengalaman semasa bekerja dan belajar berupaya meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran dalam bidang yang beliau mahir iaitu bidang yang beliau mempunyai pengetahuan yang mendalam. Ini adalah kerana pengalaman dan pengetahuan semasa bekerja dan belajar banyak menolong pensyarah dalam menyampaikan kuliah. Cara penyampaian pensyarah juga lebih yakin kerana apa yang disampaikan itu telah dipraktikkan semasa

bekerja. Keyakinan pelajar akan bertambah jika kuliah diperkuat lagi dengan contoh serta pengalaman pensyarah sewaktu bekerja dan belajar.

Daripada persoalan kajian didapati terdapat signifikan di antara pensyarah yang kurang menguasai ilmu, kurang berminat dan kurang berpengalaman dalam menyampaikan matapelajaran yang diajar dengan tanggapan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Penguasaan ilmu pengetahuan merupakan perkara pokok bagi seseorang pensyarah menguasai isi kandungan matapelajaran yang diajar. Dalam sesi soal jawab di dalam kelas, penguasaan isi kandungan dan pengetahuan amat penting kepada pensyarah. Tanggapan pelajar adalah seseorang pensyarah itu mestilah dan patut tahu serta dapat menguasai matapelajaran. Dalam masa yang sama mereka akan merasa kagum dengan pensyarah tersebut sekali gus timbul perasaan hormat. Ini dapat mengukuhkan dan merapatkan pertalian diantara pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Apabila pensyarah mempunyai minat dalam matapelajaran yang diajar. mempunyai pengalaman semasa bekerja dan belajar dan mempunyai pengetahuan serta dapat menguasai isi kandungan pelajaran maka tahap kesediaan pensyarah untuk memasuki kelas adalah lebih tinggi. Pensyarah yang bersedia memasuki kelas tidak akan merasakan ianya adalah bebanan tugas sebaliknya melakukan tugas dengan ikhlas. Kesediaan pensyarah untuk mengajar akan meningkatkan kefahaman pelajar seterusnya akan meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar di dalam kelas. Inilah yang kita harapkan daripada pensyarah baru yang mengajar dipoliteknik agar cara pengajaran mereka tidak dibandingkan dengan pensyarah yang lama.

Bagi pensyarah yang kurang mahir dalam matapelajaran yang diajarnya, mereka mungkin akan menjadikan pengajaran ini satu beban kerana terpaksa belajar semula dan sentiasa berasa kurang bersedia untuk memasuki kelas. Pelajar-pelajar mungkin akan merasakan sukar untuk memahami apa yang dipelajari kerana pensyarah itu sendiri tidak dapat menguasai isi kandungan apatah lagi kemahiran di dalam bengkel dan studio.

Jika dilihat dalam alam politeknik sendiri, jika seseorang pensyarah itu gagal menyampaikan isi kandungan matapelajaran dengan baik maka dengan sendirinya pelajar akan bertanya kepada pensyarah yang berpengalaman di luar kelas. Ini akan menimbulkan perasaan kecil hati kepada pensyarah baru dan akibatnya mereka akan sentiasa merasa rendah diri. Jadi perlulah ada satu motivasi kepada pensyarah ini untuk terus berusaha mendalami ilmu pengetahuan seterusnya menguasai matapelajaran tersebut.

Selain daripada itu, besar kemungkinan pelajar yang dapat menilai kekurangan alam diri pensyarah akan terus mempersendakan pensyarah tersebut dengan soalan-soalan menguji pensyarah. Mereka mungkin ingin melihat sama ada pensyarah itu dapat menjawab ataupun tidak soalan yang dikemukakan itu. Mereka mungkin akan mempersendakan pensyarah itu sesama rakan dan perasaan hormat serta yakin kepada pensyarah akan hilang. Inilah yang menyebabkan tanggapan mereka terhadap pensyarah adalah pensyarah tersebut tidak pandai mengajar dan tidak ada pengetahuan untuk mengajar. Seterusnya pencapaian mereka mungkin akan merosot kerana mereka tidak bersungguh-sungguh menumpukan perhatian di dalam kelas.

5.1.4 Hubung Kait Antara Pandangan Pelajar Terhadap Pensyarah Jika Pensyarah Kurang Menguasai Isi Matapelajaran, Kemahiran Dan Tidak Mempunyai Pengalaman Bekerja.

Apabila seseorang itu menjadi pensyarah, sudah tentulah beliau akan mengajar pelajar apa yang beliau tahu daripada pembelajaran, ilmu yang dimiliki, pengalaman, pembacaan, minat dan pelbagai lagi. Jika pensyarah belajar bidang yang lain tetapi diminta mengajar bidang yang lain maka persoalannya apakah objektif isi kandungan pelajaran yang disampaikan itu tercapai? Adakah pelajar dapat memahami apa yang disampaikan? Dapatkah pensyarah memberikan contoh dan hujah yang bernas untuk mengukuhkan penyampaiannya? Inilah antara persoalan yang sering diperkatakan.

Secara tidak langsung ia akan menjadi beban kepada pensyarah tersebut. Apabila sesebuah matapelajaran itu dijadikan beban oleh seseorang pensyarah maka apa yang disampaikan adalah tidak sepenuh hati dan tidak ikhlas. Jadi bagaimanakah pensyarah yang bekesan dapat dicapai.

Beban yang dimaksudkan disini adalah beban dari segi perlunya beliau membuat pembacaan, penyelidikan terkini, mempelajari semula kemahiran dan sentiasa rajin bertanya dengan pensyarah lama.

Walaupun jika dirujuk dalam Lampiran D iaitu jadual analisis temubual didapati pensyarah yang berpengalaman berpendapat bahawa dalam tempoh lima tahun pensyarah yang mengajar di luar daripada bidang mereka akan menjadi seorang pensyarah pakar jika mereka bersungguh-sungguh mempelajari dan ikhlas mempelajari sesuatu ilmu. Ini adalah kerana mereka masih dalam

bidang kejuruteraan (Jadual 4.9) Mereka berpendapat, kerajinan membuat pembacaan dan penyelidikan boleh meningkatkan tahap pendidikan seseorang.

Namun begitu jika kita tinjau dari perspektif pelajar, dalam tempoh lima tahun sebelum pensyarah itu berjaya, apa akan terjadi kepada pelajar-pelajar 10 semester dibawahnya ataupun sekurang-kurangnya 3 semester dibawahnya. Sudah tentu pencapaian mereka akan terganggu dan merosot. Ini tidak adil bagi pelajar yang mungkin dijadikan bahan kajian kerana sudah tentu keputusan peperiksaan akan mempengaruhi CGPA mereka.

5.2 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil perbincangan tentang dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara latar belakang pendidikan pensyarah dengan persepsi pelajar kepada pensyarah tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna tujuan kajian yang dijalankan untuk melihat sama ada latar belakang pendidikan pensyarah memberi kesan kepada pencapaian pelajar atau tidak telah terjawab. Memang terdapat hubung kait antara kedua-duanya dan ini adalah kerana proses membentuk pelajar sama ada dalam bidang akademik ataupun sosial banyak diaplikasikan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dibuat maka daripada analisis dapatlah dikatakan bahawa latar belakang pendidikan akademik pensyarah mempunyai hubungan yang kuat terhadap persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Latar belakang pendidikan akademik pensyarah mempengaruhi pencapaian pelajar dalam bidang akademik kerana pensyarah ini akan dijadikan idola di dalam kelas.

Latar belakang yang memenuhi kriteria seperti kesediaan mengajar, kemahiran, minat terhadap matapelajaran yang diajar, mempunyai pengalaman semasa bekerja dan belajar serta dapat menguasai isi kandungan matapelajaran yang diajar akan memberikan tanggapan yang positif kepada pelajar. Mempunyai pengalaman yang luas, meningkatkan ilmu pengetahuan, membuat penyelidikan yang berterusan, membaca dan berkomunikasi dengan pensyarah yang lebih berpengalaman akan menjadikan pensyarah baru ini lebih matang dari segi penyampaian ilmu di dalam kelas.

Walaupun pensyarah yang mengajar mereka baru namun kewibawaan diri sebagai pensyarah yang berkaliber perlu ditonjolkan. Adalah penting bagi pensyarah menaikkan taraf diri daripada pelbagai sudut supaya mereka sentiasa dipandang senang dan hormat oleh orang lain.

5.3 Cadangan Dapatan Kajian

Memandangkan dapatan daripada kajian ini menunjukkan ada hubungan diantara latar belakang pensyarah dengan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran maka penulis merasakan bahawa beberapa cadangan perlu diketengahkan seperti berikut:

5.3.1 Menentukan Pengambilan Pelatih Yang Sesuai Dengan Bidang

Memandangkan kebanyakan daripada tenaga pengajar baru yang menjadi pensyarah kurang berpengalaman dan kurang pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu maka dicadangkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengadakan pengambilan pelatih-pelatih yang sesuai sahaja untuk menjalani Kursus Sarjana Pendidikan di KUiTTHO. Kursus-kursus yang dipilih ini mestilah berdasarkan kursus yang ada di politeknik berserta dengan kemahiran. Ini adalah kerana dalam bidang kejuruteraan, kemahiran teknikal merupakan satu subjek yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bagi pengambilan pelatih yang telah bekerja, mereka diwajibkan untuk mengikuti kursus perguruan terlebih dahulu. Mereka yang dipilih mestilah terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan pernah bekerja. Walaubagaimanapun hanya mereka yang mempunyai bidang yang khusus dengan permintaan politeknik sahaja akan diambil untuk menyertai skim latihan tenaga pengajar.

5.3.2 Mengadakan Pengambilan Tenaga Pengajar Diperingkat Diploma

Cadangan yang seterusnya adalah membuat pengambilan tenaga pengajar bermula daripada peringkat diploma. Cara pengambilan ini hanya khas untuk mereka yang berminat untuk menjadi pensyarah dalam bidang teknik dan vokasional sahaja. Mereka akan dilatih sebagai tenaga pengajar dengan mempelajari teori, kemahiran dan cara pengajaran. Selain daripada itu pengambilan yang dibuat perlulah di ambil kira dengan menentukan kursus yang ditawarkan di politeknik yang akan dipelajari oleh bakal pelatih. Walaubagaimanapun mereka ini akan dilatih di KUiTTHO ataupun Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) untuk tenaga pengajar politeknik dan Kolej

Komuniti. Mereka juga perlu mahir dalam bidang pengajaran yang mana perlu terdapat silibus tentang 'mikro teaching'. Ini adalah perlu untuk meningkatkan kemahiran dalam cara penyampaian kuliah dalam kelas dan makmal ataupun studio.

Walaubagaimanapun bakal-bakal pelatih ini perlulah lebih kreatif untuk menambahkan pengalaman kerana apabila habis belajar mereka akan terus bekerja sebagai pensyarah maka mereka akan kekurangan pengalaman dari aspek kerjaya.

5.4 Cadangan Lanjutan Kajian

Kajian yang telah dijalankan oleh penulis tentang latar belakang pendidikan pensyarah dan persepsi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu diteruskan lagi bagi menghasilkan satu garis panduan berdasarkan dapatan yang diperolehi.

Oleh yang demikian dalam kajian yang akan datang penulis berharap mana-mana pengkaji dapat meneruskan kajian ini dengan menghasilkan satu garis panduan yang lengkap bagi pengambilan tenaga pengajar yang layak sahaja dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional. Antara kandungan garis panduan tersebut mestilah mengandungi kelayakan khusus yang diperlukan iaitu dari segi ijazah yang dimiliki dan keputusan CGPA yang baik, kemahiran yang perlu ada dari segi lukisan dan penggunaan alatan dalam makmal atau bengkel, pengalaman bekerja atau belajar dalam bidang yang diminta dan memenuhi keperluan segala syarat yang ditetapkan.

5.5 Penutup

Adalah perlu bagi seseorang pensyarah mempunyai latar belakang pendidikan akademik yang mantap dan luas sebelum menjejak kaki ke politeknik memandangkan matlamat politeknik untuk melahirkan sumber tenaga separuh mahir dan mahir. Selain daripada pengetahuan akademik, pensyarah juga perlu mempunyai kemahiran asas untuk proses pembelajaran didalam makmal ataupun bengkel. Latar belakang yang kukuh dari segi akademik, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran akan mencerminkan keterampilan diri seseorang pensyarah yang efektif seterusnya menjadikan persepsi pelajar terhadap pensyarah sebagai orang yang penuh dengan ilmu dan perlu dihormati.



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd Rashid (1992). "Sikap, Nilai Dan Prestasi: Implikasinya Kepada Pendidikan". Jurnal Pendidikan. Jilid 16. 85-101.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (2000) . "Siri Pengajian Dan Pendidikan Utusan, Wawasan Dan Agenda Pendidikan". Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd..
- Abdullah Ishak (1989). "Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia". Kuala Lumpur :Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Adler, F (1956). "The Value Concept In Sociology". The American Journal Of Sociology, 62, 272-279.
- Ahmad Athory Hussain (1986). "Tingka hlaku Organisasi Dalam Pengurusan Moden". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ahmad Fawzi Mohd Basir (2001) "Seminar Kebangsaan Sosio Ekonomi Dan IT Anjuran UUM Sintok". Di Hotel Holiday Mida Alor Setar Kedah, 2 November 2001.
- Allen H. Miller (1998). "Student Assessment In Higher Education". London: Bradford W Imrie, Kevin Cox.
- Azizah Abd Rahman dan Sharifah Md Nor (1993). "Pendidikan Vokasional Dalam Refomasi Pendidikan di Malaysia : Satu Analisis". Jurnal Pendidikan, 37 (78) : Halaman 56-67.

Blair, T.R. (1988). "Emerging Pattern Of Teaching : From Method To Field Experience".
Colombus Ohio: Merill Publishing Company.

Blign T. (1982). "The New Professionalisme: The Synthesis Of Professional And
Inititutional Development In Teaching And Teacher Education". Vol, 10 (4), Page
423-438.

Canton, J. J. (1986). "Developing And Managing Effective Instructional Plan". Business
Education Forum 40(8):page 12-14.

Chen Ai Yen (1990). "Towards Expert Teaching: Improving The Quality Of The
Teaching Profession, An International Prespective". Singapore : International Council
On Education For Teaching.

Hafidah Mohamad (2000). "Pemikiran Guru Cemerlang: Implikasinya Terhadap
Perkembangan Profesionalisme Guru". Thesis Ph.D. UKM.

Isahak Haron (1992). "Aliran Perkembangan Pendidikan Dan Pembentukan Malaysia
Sebagai Negara Industri Dalam Abad Ke 21". Pidato Umum Aminuddin Baki Kali
Ke-4 Di UPM Pada 4 Jan 1992.

Kamaruddin Haji Kachar (1998). "Kearah Pengurusan Pelajar Dinamik". Kuala Lumpur:
Teks Publishing.

Tyler, R. W. (1991) "Kurikulum Dan Pengajaran" terjemahan Kamaruddin Hussin Dan
